


**Jilid I
Bil. 51**



**Hari Khamis
17hb Januari, 1980**

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN [Ruangan 4925]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Taman Negara [Ruangan 4955]

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat** Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO' HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, S.S.M., P.M.N., S.P.M.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAlDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J., J.P. (Johor).
- „ DATO' HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO' HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' PHUA CHENG LEONG, J.P. (Pahang).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).

Yang Berhormat TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).

- ” PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- ” TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- ” TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- ” DATO' SULAIMAN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- ” DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- ” TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- ” PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- ” DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., S.B. ST. J., DATUK Kaya Pati (Dilantik).
- ” TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- ” TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- ” TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- ” PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 17hb Januari, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

PEMBINAAN JALANRAYA BARU

1. Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pembinaan jalan-jalan baru dibuat secara kurang memuaskan dan merbahaya pula kepada pengguna-pengguna jalanraya khususnya penunggang motosikal dan basikal iaitu jalan-jalan yang baru itu tidak sama rata dengan tepi jalan, tidak ada "side table" dan selalu mengakibatkan kemalangan dan jika sedar sama ada beliau akan mengarahkan pihak yang berkenaan supaya jalanraya yang baru mestilah siap dengan side tablenya.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Tuan Clarence E. Mansul): Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya adalah tidak benar dikatakan bahawa jalanraya-jalanraya baru dibina dengan tidak memuaskan dan membahayakan keselamatan pengguna-pengguna jalanraya. Walau bagaimanapun, mungkin ada di bahagian-bahagian tertentu jalan baik yang baru mahupun yang lama yang keadaannya kurang memuaskannya seperti bahu-bahu jalan yang kurang rata. Sekiranya diketahui oleh Kementerian saya mana-mana bahagian jalan atau bahu jalan yang cacat tindakan akan diambil untuk memperbaikinya. Oleh itu saya syorkan kepada Ahli Yang Berhormat itu supaya memberitahu Kementerian saya mana-mana bahagian jalan yang dimaksudkan supaya tindakan segera diambil untuk memperbaikinya.

Perlu juga ditegaskan bahawa semua jalanraya-jalanraya yang baru dibina adalah disediakan dengan bahu-bahu jalan.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar jalan ke Datuk Keramat telah ditutup sedangkan jalan itu jalan public. Sepatutnya pihak yang berkenaan mesti membuka separuh daripada jalan itu untuk lalu-lintas dan sekarang ini pun jalan hendak pergi ke Datuk Keramat pun tidak ada sign board tunjuk hala yang menunjukkan jalan ke arah Datuk Keramat. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar keadaan ini berlaku di Kuala Lumpur, tidak jauh daripada Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam sendiri.

Tuan Clarence E. Mansul: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar dan jalan itu ditutup oleh kerana suatu projek yang sedang dijalankan. Walau bagaimanapun, ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa jalan itu ditutup pada masa sekarang.

Dato' Sulaiman Ninam Shah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya dukacita sedikit atas jawapan Timbalan Menteri yang berkenaan. Selalu, Tuan Yang di-Pertua, apabila Ahli-ahli Dewan Negara ini membawa perkara-perkara yang menyatakan sesuatu hal yang mustahak, mana-mana Menteri yang berkenaan selalu menjawab mengatakan tolonglah Ahli itu memberitahu tempat di mana kejadian yang berlaku. Ini nampak saya sudah jadi kebiasaan dalam Dewan ini semenjak saya ada di sini. Bila saya fikir Ahli-ahli Dewan membawa

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sila kemukakan soalan tambahan.

Dato' Sulaiman Ninam Shah: Saya hendak jelaskan sedikit biar terang.

Bila seorang Ahli Dewan membawa satu-satu perkara, perkara itu mesti berlaku dan sudah berlaku. Ini kewajipan Menteri yang berkenaan menyuruh pegawai dia menyiasat, bukan Ahli Dewan. Ahli Dewan mengemukakan dalam Dewan ini. Maka dengan itu saya kemukakan satu perkara yang besar berlaku di Johor, kerja membaiki jalan di Johor; adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar 4 jam atau 5 jam lebihkurang satu hari kereta pergi tidak boleh, datang pun tidak boleh. Cara mana dibuat jalan ini supaya orang ramai boleh dapat lalu.

Kedua, fasal site jalan ini tidak payah Ahli Dewan beritahu. Di mana pun buat jalan baru, umpamanya di negeri Johor boleh jadi kalau kita masuk ke tepi jahanam kereta kita. Ini kewajipan Jabatan Kerja Raya atau kontrektor yang membuat jalan. Saya harap Menteri yang berkenaan dapat mengatasi masalah ini.

Tuan Clarence E. Mansul: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum adalah satu agensi Kerajaan yang ditugaskan membina projek-projek di seluruh Malaysia ini dan tentulah apabila Ahli Yang Berhormat bertanya kita hendak tahu di mana satu-satu tempat kerana satu-satu tempat itu mempunyai masalahnya yang berasingan daripada tempat lain.

Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan jalanraya di Johor itu, saya sedar dan saya berjanji di sini akan mengarahkan Pengarah Kerjaraya Johor memeriksa.

Tentang perkara yang kedua berkenaan dengan bahu jalan, untuk makluman Dewan yang mulia ini Kementerian saya baru-baru ini telah di beri peruntukan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga untuk menjalankan tugas-tugas ini.

Perlu juga saya terangkan di sini bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri telahpun dihubungi oleh Kementerian saya meminta maklumat mana-mana jalanraya-jalanraya yang perlu diperlebar dan diperbaiki bahu-bahu jalanraya itu. Setakat ini ada beberapa negeri yang telah menghantar maklumat itu dan projek-projek untuk melebarkan jalan ini akan dijalankan mengikut keutamaan, keupayaan Kementerian ataupun Jabatan Kerjaraya.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tetapi saya hendak menambah sedikit. Ini perkara umum, saya, bukan Overseer Jalan Ahli Yang Berhormat itu bukan Overseer Jalan dan Ahli-ahli Dewan ini bukan Overseer Jalan hendak mengatakan kepada Yang Berhormat Menteri di mana tempat yang perlu dibaiki sebab di tiap-tiap district ada Overseer Jalan dan tiap-tiap negeri ada Engineer. Keseluruhan jalan itu buruk, berlubang dan menyebabkan motosikal jatuh. Perkara ini untuk kepentingan rakyat maka itu sebabnya kita kata dan kita bawa ke dalam Dewan ini. Sekarang saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan juga telah menjawab soalan saya pada hari itu mengatakan di mana? Jalan pergi ke Taman Tun Dr Ismail, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata hendak menengok, sudahkah tengok?

Yang kedua, saya hendak bertanya keseluruhan apa tindakan Kerajaan iaitu kalau berlubang jalan itu. Kalau di Singapura, hari ini dia ada lubang besok ditutup lubang itu. Adakah tindakan segera akan diambil untuk memperbaiki jalan ini supaya jangan membahayakan rakyat. Boleh atau tidak dibuat begitu?

Ketiga, jikalau repair jalan mestilah mengikut peraturan supaya kalau malam ada lampu dipasang tiap-tiap malam supaya tidak membahaya kepada motosikal ataupun motor. Bolehkah atau tidak keseluruhan negara dibuat begitu?

Tuan Clarence E. Mansul: Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat itu, dalam pandangan saya cadangan Yang Berhormat itu merupakan cadangan yang baik dan saya akan membawa perhatian walaupun perkara itu telahpun beberapa kali dibawa perhatian kepada Jabatan Kerjaraya tetapi kadangkala, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang seperti ini ada sebab-sebab yang tertentu yang pegawai kita di bahagian bawah tidak dapat menjalankan dengan sempurna sebagaimana kehendak kita.

Datuk Mohd. Tahir bin Abdul Majid: Soalan tambahan. Mengikut sebentar tadi dari jawapan Timbalan Menteri berkaitan keadaan Datuk Keramat saya rasa jawapan itu mengelirukan Dewan ini dan mengelirukan

bagi sebaran air. Saya duduk di Datuk Keramat. Saya mengalami segala kesusahan yang berlaku di dalam Datuk Keramat. Kecemaran alam di situ tidak boleh dikatakan lagi. Bagai-mana Kementerian berkenaan mengambil perhatian di dalam perkara itu, saya tidak tahu.

Adakah Menteri yang bertanggungjawab ini betul-betul dapat mengawal pekerja-pekerja yang menjalankan kerja di dalam kawasan itu? Jika kerja dijalankan untuk memperbaiki ataupun sesuatu yang dijalankan oleh Kerajaan lalu-lintas keluar masuk hendaklah diadakan "alternative." Tetapi ini tidak ada "alternative" sama sekali ditutup. Adakah Kementerian ini tahu kedudukannya?

Yang kedua, adakah Kementerian ini tahu segala kemudahan-kemudahan yang memang sudah ada di kawasan itu sentiasa terganggu gugat di dalam masa 24 jam boleh jadi empat lima kali tidak ada air; empat lima kali tidak ada lampu dan keseluruhan keadaan ini merosakan hart-benda keseluruh penduduk-penduduk yang ada di dalam kawasan Datuk Keramat.

Jadi, saya tidak mahulah sebagai jawapan yang diberikan tadi ada arahan-arahan. Arahan itu ditulis dengan perkataan "Detour." Saya tidak tahu apa makna "Detour" itu. Berpusing-pusing entah ke mana perginya, sehingga seorang hamba Allah yang datang daripada Johor Baharu berpusing sekeliling Datuk Keramat 17 kali; mana jalan dia masuk saya tidak tahu. Jadi ini yang berlaku. Jadi kalau jalan itu telah ditutup dan digazettekan mengatakan "jalan ini tutup"; tidak ada keluar di dalam gazettes.

Jadi, saya hendak mendapat jawapan daripada Kementerian supaya tindakan diambil dengan segera untuk mengatasi masalah ini. Boleh atau tidak?

Tuan Clarence E. Mansul: Saya akan mengambil perhatian, Tuan Yang di-Pertua.

TERNAKAN IKAN AIR TAWAR

2. Tuan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau bercadang menggalakkan petani-petani mengorek kolam kecil di tanah mereka untuk memelihara ikan air tawar bagi kegunaan sendiri dengan anak-anak ikan diberi oleh Kerajaan.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian memang menggalakkan petani-petani dan nelayan-nelayan membina kolam ikan untuk memelihara ikan air tawar. Galakan itu dijalankan dengan mengadakan skim subsidi. Di bawah skim ini, bantuan-bantuan seperti membina kolam, peralatan kolam dan anak-anak ikan ada disediakan.

Subsidi ini terhad untuk keperluan kolam yang luasnya tidak lebih dari tiga ekar. Semenjak skim ini dimulakan dalam tahun 1967 hingga ke tahun lalu iaitu 1979 sebanyak \$2,879,726.43 telah dibelanjakan.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan saya ini meminta adakah Kementerian bercadang menggalakkan petani-petani mengorek kolam kecil di tanah-tanah mereka sendiri untuk memelihara ikan air tawar bagi kegunaan sendiri dengan anak-anak ikan itu diberi oleh Kerajaan. Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, petani-petani di seluruh kampung, khasnya di desa di sini kebanyakan tidak mempunyai tanah, jangan katakan tiga ekar, dua atau satu ekarpun jarang mempunyai tanah persawahan sendiri.

Jadi, pada pendapat saya, walaupun dia mempunyai suku ataupun setengah ekar, kita galakkan mereka membuat kolam ikan sendiri; ini bukan sahaja kita memberi peluang ber-sungguh-sungguh dengan memberi satu daya usaha yang saya rasa sangat baik digalakkan oleh Kerajaan tetapi di tempat-tempat yang dikorek sebahagian besar mempunyai tiga ekar tidak dijaga, Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu di tempat yang besar itu selalu berlaku kecurian ikan-ikan. Jadi kalau sudah banyak petani-petani yang miskin dapat dibenarkan sendiri mengorek tanah mereka yang kecil itu, saya rasa peluang mereka mendapatkan satu pencarian tambahan berkenaan dengan ikan sangat baik. Oleh sebab itu, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian berani menyatakan, boleh kita beri sekarang.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, boleh.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa peruntukan ini telah dikeluarkan lebih daripada \$2 juta.

Saya hendak tahu adakah yang berupa kegagalan; kalau projek ini gagal apa usaha yang dibuat oleh Kementerian ini.

Yang kedua, adakah Kementerian ini sedar bahawa Jabatan Perikanan tiap-tiap negeri itu adalah sangat lambat menyelenggarakan satu-satu permohonan daripada petani-petani dan peladang-peladang kita untuk projek ini.

Yang ketiga, selain daripada berupa mata benda yang diberi oleh Kementerian, tidakkah Kementerian ini boleh memberikan bantuan berupa wang supaya dia dapat diusahakan dengan sempurna oleh petani-petani kita.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang utama berhubung dengan kegagalan, saya akui di antara projek-projek yang dijalankan oleh petani-petani pada masa yang lalu ada mengalami kegagalan. Tetapi biasanya di mana-mana tempat mempunyai kegagalan pihak Kementerian saya dan pihak Jabatan Perikanan memberi bimbingan lagi yang lebih sempurna supaya kolam-kolam yang dibina yang menghadapi kegagalan itu dapat dimajukan kembali.

Berhubung dengan perkara bantuan subsidi yang disampaikan kepada petani-petani yang membina kolam-kolam ikan untuk memelihara ikan air tawar ini selain daripada diberi dalam bentuk-bentuk anak ikan dan lain-lain peralatan, ianya juga diberi di dalam bentuk tunai untuk perbelanjaan membina kolam itu sendiri. Tetapi bagi kemudahan petani-petani itu sendiri biasanya kontrek-kontrek untuk membina kolam itu juga diuruskan di bawah pengawasan Jabatan Perikanan sendiri iaitu pihak yang mengeluarkan subsidi ini.

Bagi maklumat Ahli Yang Berhormat dan bagi menyambung soalan Yang Berhormat baharu sekejap tadi iaitu subsidi ini juga sebenarnya diberi kepada petani-petani yang membina kolam ikan di tanah-tanah mereka yang kecil persendirian walaupun luasnya seluas setengah ekar tetapi apabila petani-petani hendak membina kolam seluas yang setengah ekar ini biasanya mereka menghadapi kesulitan untuk mendapat peralatan-peralatan bagi mengorek kolam itu. Dengan sebab itu subsidi ini diuruskan sendiri oleh

Jabatan yang berkenaan dan ada juga di tempat-tempat yang sesuai dibantu oleh pihak J.P.T. dengan menggunakan alat-alat jengkorek daripada pihak J.P.T. sendiri.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad: Saya kurang faham jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Nampaknya tiap-tiap petani yang ada mempunyai tanah digalakkan supaya mereka itu mengorek tanah-tanah mereka dijadikan kolam ikan, adakah begitu? Kerana kalau sekiranya begini dasar Kementerian Pertanian, jadi rosak benarlah tanah-tanah petani. Siapa yang diberi tanah boleh dikorek buat kolam ikan. Setahu saya mestilah Kementerian Pertanian ada mempunyai dasar, hendak dikorek itu adalah tanah-tanah yang tidak sesuai dengan tanaman seumpama tanah yang berlopak baharulah digalakkan. Jadi, ini nampaknya daripada jawapan tadi tidak, siapa pun hendak mengorek, boleh. Saya hendak bertanya dengan tegasnya, apakah dasar Kementerian Pertanian di dalam membuat kolam-kolam ini? Adakah digalakkan tiap-tiap orang yang mempunyai tanah itu supaya mereka itu mengorekkan tanahnya menjadi kolam ikan ataupun tanah yang tidak sesuai dengan tanaman-tanaman itu dikorek dijadikan kolam ikan?

Yang keduanya, kalau sekiranya dikorek tanah itu dijadikan kolam ikan, mana yang lebih menguntungkan kepada petani itu sendiri, adakah memelihara ikan tawar itu ataupun mereka digalakkan tanaman sayur atau sebagainya yang boleh mendatangkan keuntungan berlipat kali ganda daripada itu?

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, dasar Kementerian saya menggalakkan mengorek tanah-tanah untuk kolam ikan ini hanya kepada petani-petani yang ingin mengorek dan pada tanah-tanah yang sesuai dikorek dan sesuai untuk digunakan pemeliharaan ikan dan tidak sesuai untuk kegunaan-kegunaan lain yang lebih menguntungkan daripada projek pemeliharaan ikan air tawar itu.

IDEOLOGI KOMUNIS—MURID-MURID SEKOLAH

3. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mencegah penuntut-penuntut

sekolah kita daripada dipengaruhi oleh ideologi komunis.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha-usaha yang dijalankan untuk mencegah murid-murid sekolah, terutamanya murid-murid di Sekolah-sekolah Menengah daripada dipengaruhi oleh ideologi komunis, Kementerian Pelajaran telah menjalankan dua pendekatan (approach) yang menyeluruh untuk mengatasi masalah ini.

Pertama, Kementerian Pelajaran cuba mengatasinya dengan mengadakan pelajaran sivik di dalam kurikulum sekolah. Di antara tajuk-tajuk yang terdapat di dalam sukatan pelajaran itu termasuklah perbincangan-perbincangan berhubung dengan pemerintahan dan bagaimana sesebuah Kerajaan yang bertanggungjawab mengendalikan pentadbiran sesebuah negara yang demokratik. Penegasan dibuat tentang mustahaknya Perlembagaan sesebuah negara, menghormati undang-undang dan peraturan-peraturan untuk keamanan dan ketenteraman dan prinsip-prinsip demokrasi yang diamalkan dalam pemerintahan negara. Semenjak tahun 1970 prinsip-prinsip Rukun Negara yang telah diadakan oleh Kerajaan dimasukkan di dalam perbincangan-perbincangan yang dikelola oleh guru-guru. Selain daripada apa yang dijalankan di dalam bilik darjah, ceramah-ceramah tentang prinsip-prinsip Rukun Negara juga diadakan di perhimpunan sekolah pada tiap-tiap minggu untuk menanamkan semangat perpaduan di kalangan murid-murid dan sifat toleransi antara murid-murid berbagai kaum dan ugama. Kementerian Pelajaran juga mengadakan Kursus Tatanegara dari masa ke semasa kepada murid-murid Sekolah Menengah Atas dan Tingkatan Enam. Di Pejabat-pejabat Pelajaran Negeri ditempatkan Pegawai-pegawai Perhubungan Sekolah yang ditugaskan bekerjasama dengan pihak berkuasa mengawasi pergerakan-pergerakan subversif di kalangan murid-murid. Di samping itu Pelajaran Ugama yang diadakan di sekolah-sekolah untuk murid-murid yang beragama Islam dapat menghindar mereka daripada dipengaruhi oleh ideologi komunis. Mengikut perakuan Jawatankuasa Kabinet pendidikan moral dan etika akan juga diadakan untuk murid-murid yang bukan Islam untuk mencegah murid-murid ini daripada dipengaruhi oleh anasir-anasir jahat.

Pendekatan kedua yang kurang formal pula ialah melalui berbagai-bagai badan atau persatuan-persatuan sekolah. Murid-murid digalakkan menjadi ahli-ahli persatuan-persatuan sekolah dan ahli-ahli badan-badan berpakaian seragam seperti Kadet Polis dan Tentera, Bulan Sabit Merah, Pergerakan St. Johns, Pengangkap dan Pandu Puteri yang memberi latihan-latihan kepimpinan dan disiplin serta mengamalkan prinsip-prinsip demokrasi di dalam mengendalikan perjalanan persatuan-persatuan dan pergerakan-pergerakan yang dianggotai oleh mereka. Pergerakan-pergerakan ko-kurikular yang lain seperti sukan dan permainan, lawatan-lawatan yang dianjurkan oleh sekolah-sekolah dapat juga menanamkan semangat taatsetia kepada sekolah dan negara kita. Penglibatan mereka dengan kegiatan-kegiatan yang sihat ini dapat mencegah mereka dari dipengaruhi oleh anasir-anasir yang tidak diingini.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, tidak berapa lama dahulu dalam tahun yang lepas beberapa banyak murid di Johor telah mengaku mereka telah terlibat dalam perbuatan anasir komunis di negeri Johor. Dengan segala hormatnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah apa-apa follow-up ataupun confession yang mereka buat dan adakah dengan confession itu dapat pihak yang berkenaan menangkap mana-mana guru di negeri Johor yang terlibat dengan anasir komunis?

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, soal ini sesudah kita dapat dan membuat pemeriksaan, maka segala perkara yang patut dibuat untuk menjaga keselamatan negara sudah dijalankan.

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Tuan Yang di-Pertua, soal saya, sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar murid-murid kita di setengah-setengah sekolah bukan sahaja dipengaruhi oleh ideologi komunis bahkan juga dipengaruhi dan diancam oleh anggota kumpulan jahat luar sekolah, dan apakah langkah telah diambil untuk mengatasi masalah ini?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebutkan tadi ialah langkah-langkah yang telah diambil oleh

Kementerian Pelajaran. Jadi, jika ada didapati kumpulan luar mengancam atau membuat perbuatan-perbuatan jahat kepada murid-murid sekolah tentulah kejadian semacam ini dapat dilaporkan kepada pihak yang berkenaan khususnya kepada polis dan tentulah pihak polis akan mengambil tindakan selanjutnya.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, ada atau tidak musang berbulu ayam di dalam sekolah menengah kebangsaan yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, pura-pura menjadi ayam tetapi musang mengajar fahaman komunis dalam sekolah, adakah didapati. Sebabnya saya hendak menerangkan sedikit, komunis ini bukan boleh senang-senang hendak dapat ditangkap—tidak, dibawahnya students ini keluar, bukan masa sekolah—tidak, dibawahnya masa selepas sekolah, berihad, holiday, berkumpul, pergi naik bas ke sana, naik bas ke mari, di situ dia mengajar fahaman-fahaman komunis ini. Dalam sekolah itu adakah musang berbulu ayam?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat perkara ini Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pun sudah jawab sedikit tadi tetapi barangkali beliau akan melanjutkan lagi (*Ketawa*).

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soal menjaga keselamatan dalam negeri ini tidak terbatas, termasuk dalam sekolah, termasuk kalangan guru-guru, sebab itulah kita dapat tangkap.

Tuan Ismail bin Hashim: Soalan tambahan. Saya hendak tahu berkenaan penuntut-penuntut yang sudah terlibat dalam fahaman ideologi komunis ini berapa banyak yang telah ditangkap setakat hari ini dan sejauh mana yang telah diberi pandangan kepada mereka ini supaya berbalik semula untuk menjadi manusia yang berguna kepada negara ini.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri jawab sangat garang, marah sahaja

nampaknya tetapi agak saya beliau sudah meradang sedikit, tetapi saya hendak bertanya lagi. Ini saya tidak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tetapi saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran. Setahu Kementerian Pelajaran sehingga setakat ini, saya hendak bertanya tahun 1979 sehingga hari ini, ada berapa penuntut-penuntut yang sudah dimasukkan fahaman komunis yang sudah dapat tanda-tanda bukti yang nyata dan sudah dapat disenaraikan dalam Kementerian Pelajaran, berapa orang.

Kedua, guru pula, saya hendak tahu 1979 sahaja, berapa orang dan sebutkan bangsa apa yang jahat ini, adakah guru Melayu, Cina, India yang jahat. Tolong sebutkan dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ini tidak boleh!

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak boleh jawab yang itu, yang pertama boleh jawab. Belum dijawab lagi soalan saya yang pertama.

Dato' Chan Siang Sun: Saya minta notis.

VIDEO-TAPE

4. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bahawa memandangkan terdapat banyaknya "pita-video" yang tidak ditapis termasuk filem-filem lucu yang dimainkan di rumah-rumah persembirian, apakah langkah-langkah yang telah dan yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk menyekat perbuatan sedemikian.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, tadi bukan menunjukkan marah tetapi menunjukkan tegas (*Ketawa*).

Soal video-tape ini rumit tetapi kalau dikaji dengan cara senang begini keadaannya, bahawa video-tape ini adalah sama dengan buku juga, bagaimana kita membawa buku publication ke dalam negeri kita begitulah juga Undang-undang yang dipakai terhadap video-tape. Maknanya kalau kita kelek buku "Shakespeare" masuk ke dalam negara kita buku itu tidak digelar bahawa buku ini adalah "prohibited publication" dan lulus, izin boleh masuk tetapi kalau buku

yang sudah digazette sebagai prohibited publication yang sudah digazette, umpamanya "Malay Dilemma", ini tidak boleh. Jadi seperti buku juga, maknanya kalau ada video-tape yang sudah digazette ini haram dibawa masuk. Dan satu lagi yang tentu haram dibawa masuk iaitu sudah tentu buku-buku lucu atau barang-barang menggambarkan lucu. Ini sudah tentu salah.

Soalnya sekarang apabila dibawa masuk ke dalam negeri kita yang memeriksanya iaitu pegawai-pegawai di pintu masuk ialah Kastam yang sebenarnya yang menjalankan kerja ini. Kalau sekiranya Yang Berhormat masuk bawa satu video-tape tentulah saya rasa dia tidak akan meminta kepada Yang Berhormat hendak memeriksa video-tape itu apakah video-tape ini lucu atau tidak—itu dia, kerananya video-tape itu bukannya umum dikatakan haram dibawa masuk seperti buku melainkan video-tape yang tertentu. Kalaulah video-tape ini cerita Robin Hood, dia minta daripada Yang Berhormat, saya hendak periksa, dia boleh tahan tetapi bermaknalah Yang Berhormat terpaksa menyerahkan video-tape ini kepada Kastam untuk dia memutarkannya, menuntunnya dahulu baru dipulangkan balik, dia tengok cerita Robin Hood. Oleh sebab keadaan begini maka banyaklah filem ini dapat masuk tetapi yang menjadi salah apabila masuk filem video-tape ini iaitu diputar kepada orang ramai, itu tertakluk kepada Undang-undang Censor, bermakna dia tidak boleh menunjukkan gambar ini kepada orang ramai, Yang Berhormat tadi gambar Robin Hood, tidak boleh ditunjukkan di kedai kopi atau di mana melainkan sudah dicensorkan. Tetapi kalau gambar itu gambar lucu, baik orang ramai, baik dalam dapur, dalam kelambu, ini memang salah kalau dapat ditangkap. Inilah peraturannya pada masa ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Kementerian ini dapat menimbang atau mengkaji balik Undang-undang yang begini terhadap filem-filem lucu sebab ini hak asasi manusia, dia mainkan filem dalam rumah itu dan untuk dia kerana dia hendak menggubarkan seksnya, itu hak dia (*Ketawa*). Dia tidak beri kepada orang ramai, cuma dia berdua sahaja. Adakah Kementerian ini boleh mengkaji balik Undang-undang ini supaya dapat dilonggarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan New York! (*Ketawa*).

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Maksud saya kalau boleh.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, yang susahnyanya iaitu untuk mengawasnyanya tidak ada sempadan hal ini. Umpamanya, kalau sudah mula dia putar itu mengikut Undang-undang kita, ini sudah salah tetapi kalau disimpan tape itu dikunci dalam tong itu tak salah. Yang susahnyanya daripada segi akhlak dan sebagainya perkara ini tak betul, tak baik, takkanlah sebab tape pula baru perasaan itu boleh naik (*Ketawa*).

MINYAK DIESEL—KEKURANGAN

5. Puan Zawiah binti Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian setelah syarat-syarat yang dikenakan kepada setiap pembekal-pembekal dan pemborong dikuatkuasa pada 1hb Oktober, 1979 masih terdapat lagi di Negeri-negeri di pantai timur khususnya Trengganu kekurangan minyak diesel di stesyen-stesyen minyak pada setiap hari untuk menyatakan:

- (a) sama ada kekurangan itu berlaku disebabkan bertambahnya kenderaan diesel atau bekalan diesel tidak diberi cukup kepada setiap stesyen minyak;
- (b) bilangan syarikat-syarikat pembekal minyak dan stesyen-stesyen minyak yang dihadapkan ke mahkamah disebabkan penyelewengan bahan tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan (a), ingin saya menyatakan iaitu kekurangan minyak diesel di negara ini adalah berpunca dari kekurangan bekalan minyak mentah di pasaran antarabangsa dan kesan-kesan ini telah dirasai oleh negara kita. Walau bagaimanapun, perlulah saya tegaskan di sini bahawa keadaan bekalan diesel di negara ini adalah lebih baik jika dibandingkan dengan keadaan bekalan bahan-bahan petroleum di negara-negara di rantau ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa bertindak untuk menentukan bahawa bekalan minyak diesel di negara ini sentiasa ada dan mencukupi untuk keperluan serta boleh memperolehi dengan mudah.

Untuk mencapai tujuan ini Kerajaan telah mengadakan berbagai peraturan yang dikenakan ke atas setiap pengguna dan pembekal minyak diesel. Dengan adanya peraturan-peraturan tersebut bekalan diesel di stesyen-stesyen minyak telah bertambah baik dan bekalan minyak diesel pada keseluruhannya di negara ini yang diberikan melalui pam-pam minyak bagi tahun 1979 telah bertambah lebih kurang 10% jika dibandingkan dengan bekalan bagi tahun 1978.

Sebagai contoh, bagi bekalan minyak diesel di stesyen-stesyen minyak di negeri Trengganu sahaja tidak termasuk jumlah bekalan kepada stesyen minyak PETRONAS pada bulan Oktober, 1979 adalah sebanyak 356,704 gelen dan ini menunjukkan tambahan sebanyak 30,187 gelen jika dibandingkan dengan bekalan bagi bulan September, 1979 iaitu sebanyak 326,270 gelen. Jadi pada kesimpulan dengan adanya peraturan ini maka bekalan minyak diesel di stesyen-stesyen minyak telah bertambah baik.

Walau bagaimanapun tidaklah dapat dinafikan iaitu terdapat kekurangan minyak diesel sebagai "sporadic" di beberapa tempat. Ini adalah berlaku terutama sekali di waktu hari-hari kelepasan dan hari-hari cuti am di mana sistem pengangkutan pada hari-hari tersebut tidak dapat berjalan dengan licin.

Untuk menjawab soalan (b), bilangan syarikat-syarikat pembekal dan stesyen-stesyen minyak yang telah diambil tindakan sehingga hari ini ialah sebanyak 30 kes di mana 8 daripadanya telah dikemukakan di mahkamah untuk menunggu perbicaraan sementara yang 22 kes lagi masih di dalam proses penyiasatan.

Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Menyentuh tentang minyak diesel ini saya suka hendak membuat soalan tambahan, iaitu adakah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedar bahawa ada setengah-setengah negeri yang pada hari Ahad mereka sengaja tidak mahu menjual minyak diesel. Kalau Kementerian sedar apakah langkah yang patut diambil oleh Kementerian.

Kalau Kementerian hari ini belum menyedari apa yang saya sebutkan tadi, apakah cara dan langkah sewajarnya boleh diambil supaya perkara seperti ini tidak berlaku lagi

di Malaysia kita. Saya dapat memberi satu contoh kerana walaupun saya bukan daripada penduduk Pahang, tetapi bandar Kuantan adalah merupakan bandar tempat perhentian sementara rakyat daripada Kelantan ke Kuala Lumpur dan Kuala Lumpur ke Kelantan.

Saya diberi faham bahawa pada hari Ahad di bandar Kuantan sengaja tidak mahu menjual minyak walaupun minyak itu ada dalam tangki tiap-tiap stesyen kerana katanya malas hendak menulis resit, malas hendak buat return, malas itu, malas ini dan sebagainya mana saya telah menyebutkan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini juga dahulu, kebetulannya hari Ahad ini pegawai-pegawai Kerajaan pun tidak bekerja, cuti hari kelepasan dan mereka sedar bahawa Pegawai Penguatkuasa tidak akan melawat ke tempat mereka pada hari Ahad.

Soalan saya yang ketiga, saya ingin mendapat satu kepastian daripada Yang Berhormat Menteri iaitu hari ini—hari ini maksud saya di antara lingkungan kelmarin, hari ini dan esok, adakah cukup atau tidak bekalan minyak diesel dalam Malaysia kita ini.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang pertama, pada masa sekarang syarat-syarat yang diberi kepada stesyen minyak untuk menjual sama ada diesel atau gasoline tidak dibenarkan stesyen minyak itu enggan menjual minyak pada hari Ahad. Sungguhpun Kementerian saya ada dapat laporan yang mana ada cadangan persatuan-persatuan itu untuk memberhentikan pada hari Ahad tetapi kelulusan ini belum diberi dan pada masa sekarang kalau ada stesyen enggan menjual minyak pada hari Ahad, ini ialah satu kesalahan yang mana tindakan tertentu boleh diambil terhadap stesyen minyak itu.

Bagi menjawab soalan yang kedua, khususnya bagi Kuantan, kalau ada, saya boleh mengarahkan Pegawai Penguatkuasa Kementerian saya untuk membuat siasatan.

Ketiga, ini ialah soalan yang am yang mana saya katakan tadi bekalan barang-barang petroleum sama ada, gasoline, diesel, minyak tanah dan sebagainya bergantung atas bekalan minyak mentah. Saya rasa pengguna-pengguna di Malaysia kita ini mesti faham

bahawa zaman yang mana bekalan barang-barang petroleum mudah didapati sebelum tahun 1973 sudah lepas.

Kita sekarang menghadapi satu zaman yang mana petroleum ialah satu sumber yang makin lama makin mahal, makin lama makin kurang dan kita mesti mengambil atau mengubah sikap untuk conservation dan di negara kita ini kita telah kaji dari satu masa, ke satu masa pada purata pertambahan peratus atau kadar pertambahan daripada satu tahun pada tiga tahun yang lalu cuma 8% tetapi pada tahun 1979 sudah naik sampai 12% dan mengikut kadar ini akan bertambah sampai 15% pada tahun ini, tetapi bekalan barang-barang petroleum sama ada diesel atau lain-lain gasolin ini tidak boleh ikut pertambahan seperti ini. Ini masalahnya dan kalau kita hendak memenuhi permintaan-permintaan ini bergantung kepada harga yang mana syarikat-syarikat minyak di negara kita ini boleh mendapat minyak mentah daripada negara-negara yang membekalkan, yang menjualkan minyak ini.

Sungguhpun kita ialah sebuah negara yang mana kita boleh katakan net exporter of petroleum tetapi PETRONAS belum sampai lagi yang mana kita boleh ada upaya untuk menapisikan minyak mentah negara kita ini dan juga logistik untuk mengedarkannya belum lengkap lagi. Jadi, kita mesti menghadapi masalah ini dalam dua tiga tahun yang akan datang sampai masa yang mana PETRONAS ada dayaupaya penuh untuk membekalkan semua barang-barang petroleum kepada pengguna-pengguna di Malaysia kita ini.

PENERBANGAN CONCORDE— HASIL UJIAN BUNYI

6. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan hasil ujian bunyi yang dijalankan baru-baru ini atas penerbangan Concorde di atas ruangan angkasa Malaysia.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ujian bunyi seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat masih belum dikendalikan. Kelengkapan-kelengkapan yang perlu hanya dapat dari sumber-sumber luar negeri dan pesanan telahpun dibuat.

Ujian yang menggunakan alat kelengkapan yang sophisticated akan dijalankan sepanjang tempat-tempat penting yang tertentu yang mana terletak di dalam kawasan penerbangan Concorde sebaik sahaja alat kelengkapan yang dipesan yang berharga \$100,000 di mana peruntukan, ini baru diluluskan oleh Parlimen akan diterima pada akhir bulan Februari atau awal bulan Mac, 1980. Langkah-langkah mestilah diambil untuk menentukan bahawa alat kelengkapan yang sophisticated dan mahal ini adalah jenis yang betul untuk tujuan tertentu ini.

Untuk tujuan ini perbincangan-perbincangan telah diadakan dengan negeri-negeri lain seperti India dengan menggunakan alat pengawasan bagi merekodkan "sonic boom" daripada penerbangan-penerbangan "supersonic". Walaupun alat kelengkapan telah ditawarkan oleh Kerajaan British untuk tujuan ini, adalah dirasakan lebih baik untuk mendapatkan alat kelengkapan yang sesuai daripada pancar bebas di mana keputusan ujian tidak dapat dicabar. Bagi menentukan agar alat kelengkapan tersebut digunakan mengikut kaedah yang betul bagi mendapatkan keputusan yang tepat, seorang pegawai dari Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya akan dihantar ke Denmark pada awal bulan Februari bagi menjalani kursus tentang penggunaan alat kelengkapan tersebut dan pembentukan unit khas di Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya telah diluluskan untuk tujuan ini. Buat sementara waktu, Kerajaan telah bersetuju untuk memanjangkan masa percubaan penerbangan Concorde selama 6 bulan lagi bermula daripada 24hb. Januari, 1980.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Scalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri mengenai jawapan Yang Berhormat Menteri yang dahulu, bukan Menteri sekarang, iaitu jawapan mendiang Tan Sri V. Manickavasagam, mengatakan kita tidak boleh luluskan permohonan Kerajaan British untuk Concorde terbang di angkasa kita oleh kerana satu daripada sebabnya segala telur akan habis, orang hamil akan keguguran anak-anak dan telur ikan akan habis, telur

udang habis, telur biawak pun habis. Jadi, saya hendak bertanya dengan adanya alat-alat ujian itu bolehkah atau tidak kesannya didapati betul telur habis, orang tak boleh beranak, betulkah boleh dikesan dengan alat-alat yang baru ini?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya rakan saya mendiang Tan Sri V. Manickavasagam itu betul-betul takut kesan-kesan yang buruk akan terjadi. Oleh itu, Kementerian saya telah buat satu kajian soal selidik sebelum kita ada kelengkapan ujian. Jadi dalam kajian itu kita ada edarkan 300 borang kepada rakyat tertentu di Muar, Port Dickson, Batu Pahat, Melaka dan Pontian. Daripada kajian soal-selidik itu malangnya hanya 24 jawapan sahaja diterima dan setengah daripada jawapan itu mengatakan tidak pernah mendengar bunyi sonic boom. Oleh itu, susahlah Kerajaan mencari alasan menolak permintaan Kerajaan British.

KAWALAN PERTUKARAN WANG ASING

7. Tuan Michael Wong Kuan Lee minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan menghapuskan semua kawalan Pertukaran (Exchange Control), seperti yang dibuat oleh England baru-baru ini untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai satu pusat kewangan dan juga satu pusat bagi perdagangan barangan.

Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, pada amnya, Malaysia tiada mempunyai kawalan pertukaran wang. Penduduk Malaysia adalah bebas untuk perolehi wang asing bagi membayar barangan dan perkhidmatan yang diimpot dan juga bagi perjalanan mereka ke luar negeri. Penduduk Malaysia juga bebas untuk membuat pelaburan secara langsung dan pelaburan portfolio di luar negeri. Justeru itu, tidak terdapat sekatan ke atas kiriman wang ke luar negeri kecuali keperluan memenuhi satu borang yang mudah bagi setiap pembelian pertukaran wang asing yang melebihi \$5,000. Langkah ini adalah bertujuan untuk menambahkan pengetahuan kita mengenai imbalan pembayaran negara supaya dapat membantu dalam perancangan ekonomi negara kita.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peraturan-peraturan wang asing yang berkuatkuasa sekarang adalah bertujuan untuk membantu Kerajaan dalam mencapai matlamat-matlamat berikut:

- (i) untuk memastikan bahawa hasil pertukaran wang asing dari eksport negara adalah dikirimkan ke Malaysia.
- (ii) untuk memastikan bahawa syarikat-syarikat asing di Malaysia tidak hanya bergantung kepada sumber-sumber kewangan tempatan untuk membiayai operasi mereka di Malaysia; dan
- (iii) untuk mengawasi jumlah pinjaman-pinjaman asing yang besar oleh penduduk Malaysia oleh kerana pinjaman-pinjaman tersebut merupakan tuntutan masa depan ke atas cadangan pertukaran wang asing negara.

Perlaksanaan peraturan-peraturan kawalan pertukaran wang asing tidak menjejaskan perkembangan Kuala Lumpur sebagai satu pusat kewangan dan perdagangan barangan. Oleh yang demikian, Kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk menghapuskan peraturan-peraturan kawalan pertukaran wang yang ada sekarang.

SUKAN SEA—PRESTASI PASUKAN MALAYSIA

8. Datuk Syed Hassan Aidid minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan mengapa performance (keputusan) Malaysia di SEA Games baru-baru ini tidak begitu memuaskan jika dibandingkan dengan negara-negara lain yang mengambil bahagian dan sama ada kelemahan ini disebabkan kekurangan peruntukan wang atau sebab-sebab lain, jika ya, nyatakan jumlah peruntukan wang atau sebab-sebab lain, jika ya, nyatakan jumlah peruntukan yang diberikan kepada tiap-tiap jenis sukan umpama hoki, badminton, renang dan lain-lain.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Chin Hon Ngian): Tuan Yang di-Pertua, prestasi pasukan Malaysia dalam Sukan SEA ke 10 di Jakarta baru-baru ini boleh diukur daripada berbagai segi. Dari segi bilangan pingat-pingat yang diperolehi memang prestasi kita tidak memuaskan kerana pemberian pingat-pingat adalah berdasarkan kepada acara-acara berpasukan dan

juga secara individu. Oleh sebab Malaysia tidak mengambil banyak bahagian dalam kejohanan individu maka bilangan pingat yang diperolehi adalah kurang. Sebaliknya dalam acara-acara berpasukan dan kejohanan individu yang Malaysia mengambil bahagian kita telah memperolehi kejayaan.

Dari segi mutu prestasi pada keseluruhannya Malaysia telah memperbaiki mutu pertandingan daripada masa yang lampau. Bagaimanapun Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedang membuat kajian tentang prestasi kita dari berbagai-bagai sudut termasuk peruntukan kewangan dengan tujuan untuk memperbaiki mana-mana kelemahan yang terdapat.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa prestasi permain-permain antarabangsa Malaysia tidak begitu memuaskan oleh kerana kita tidak memberi kemudahan kepada pemain-pemain kita seperti yang diberi oleh negara-negara di dunia lain. Sungguhpun mereka cuba bersungguh-sungguh untuk memenangi satu-satu pertandingan antarabangsa itu tetapi oleh kerana negara kita tidak memberikan satu-satu galakan dan peluang mereka hilang dalam jawatan naik pangkat, gaji dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak izinkan untuk berbahas!

Tuan T. S. Gabriel: Ini berkaitan dengan

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak izinkan!

RAKYAT ASING—PERMIT MASUK ISTERI-SUAMI

9. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan warganegara Malaysia yang telah berkahwin dengan rakyat asing yang memohon permit untuk isteri-suami mereka masuk ke Malaysia dan jumlah permohonan yang telah ditolak serta sebab-sebabnya.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, bilangan pemohon iaitu isteri atau suami kepada

warganegara Malaysia daripada tahun 1975-1979 bilangannya 8,742. Daripada angka itu, 8,016 adalah isteri. Sejumlah 4,392 permohonan telah diluluskan, manakala 1,016 telah ditolak, yang lain itu di dalam pertimbangan, di dalam proses.

Sayogia diingatkan, Tuan Yang di-Pertua, sudah saya huraikan di dalam Dewan yang mulia ini pada 11hb Disember tahun lalu bahawa tidak ada hak pada sesiapa yang berkahwin dengan warganegara Malaysia itu masuk dan tidak ada undang-undang yang boleh mengizinkan dia masuk, melainkan seseorang suami itu adalah warganegara Malaysia dia berkahwin di luar negara dan bersekudukan selama 5 tahun di luar negara. Bila dia balik barulah ada undang-undang mengizinkan dia bawa balik isterinya, tetapi tidak ada hak pula isteri itu sekiranya dia warganegara Malaysia, kalau dia duduk di luar walaupun 10 tahun hendak bawa balik suaminya kemari tidak ada hak. Jadi apabila kita izinkan satu persatunya masuk itu adalah kerana diatas kebiaksanaan sahaja bukan kerana hak, jadi yang menghairankan dan menakutkan saya pada masa ini, mengapa banyak sangat bilangan orang-orang muda ini pergi kahwin di India. Ini barangkali salahnya kaum ibu juga, patut buat kempen sedikit, kurangkan hal ini.

Tuan V. V. Aboo: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar seorang warganegara Malaysia yang berkahwin di luar negeri dan diberi permit masuk ke Malaysia, ada negeri yang boleh dan ada negeri yang tidak boleh, apakah perbezaannya?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Negeri mana yang boleh dan negeri mana yang tidak boleh—semuanya tak boleh, melainkan ditimbang di atas merit kes masing-masing.

Dato' Sulaiman Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah pihak Kerajaan mengharamkan sahaja warganegara Malaysia ini kahwin di luar negeri dengan rakyat bukan warganegara Malaysia. Langkah yang dibuat oleh Kerajaan, saya sangat bersetuju sekarang, cuma saya hendak menambah, dan saya hendak cadangkan supaya warganegara Malaysia, ini kalau Kerajaan dapat menimbang supaya diharamkan terus kahwin lain daripada warganegara Malaysia, kerana

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan tambahan?

Dato' Sulaiman Ninam Shah: Ya, soalan tambahan. Kerana orang-orang perempuan di Malaysia ini sudah terlampau ramai yang tidak berkahwin, jadi kalau kita benarkan lagi rakyat Malaysia pergi kahwin diluar, apa jadi besok kepada negeri ini, dan ada setengah-setengah negeri pula sudah tidak membenarkan kita kahwin 2-3 orang. Di sini disekat maka kita benarkan kahwin di luar, jadi saya berharap Kerajaan timbangkan dan haramkan terus, tidak dibenarkan kahwin di luar negeri.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soal seseorang hendak kahwin dengan warganegara asing itu adalah hak asasi, tidak dapat kita hendak larang. Tetapi yang kita boleh larang iaitu jangan dibawa masuk ke negeri kita, dia hendak duduk di luar sama ada di India atau di Hongkong, itu soal dia, janganlah kita haramkan, tetapi hendak masuk ke Malaysia itu ada bermacam-macam sebab, satu daripada sebabnya ialah seperti kata Yang Berhormat tadi rugi sangat orang-orang kita dapat menantu orang lain.

Yang kedua, kalau sekiranya pihak ibunya sentiasa orang dagang, bila masa anak ini betul-betul boleh dapat d'dikan sebagai warganegara Malaysia kerana ibunya adalah orang luar. Oleh kerana kita hendak membina sebuah negara yang baik dan betul sebagai negara Malaysia maka inilah satu-satu pertimbangan, tetapi Kerajaan tidak dapatlah hendak menimbangkan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu, kerana kita berasa ini adalah melanggar hak asasi manusia.

KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI MAS/KERETAPI TANAH MELAYU

10. Tuan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Pengangkutan menyatakan memandangkan rungutan dan rasa tidak puashati di kalangan pekerja-pekerja dan Pegawai-pegawai dalam M.A.S. dan K.T.M. tentang kenaikan pangkat dan pengesahan dalam kerja-kerja mereka dan juga didapati jawatan yang dipegang oleh Pegawai-pegawai itu tidak mengikut peraturan dan kelayakan atau kelulusan tetapi adalah ber-

asaskan kenalan rapat atau orang kuat atau kesayangan Pegawai Tinggi atau Menteri:

- (a) sama ada beliau sedar tentang wujudnya keadaan ini; nyatakan sebab-sebabnya perkara ini dibiarkan berlaku;
- (b) sama ada kenaikan pangkat dan pengesahan dalam kerja itu berasaskan kenalan rapat, pilih kasih atau berasaskan kelayakan; dan
- (c) sama ada beliau dapat memberi jaminan bahawa perkara sedemikian boleh diatasi.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sepanjang yang saya tahu dakwaan Ahli Yang Berhormat itu tidak berlaku sama ada dalam pentadbiran MAS atau pentadbiran Keretapi Tanah Melayu.
- (b) Kenaikan pangkat dan pengesahan dalam kerja tidak berasaskan kepada kenalan rapat atau pilih kasih seperti mana yang didakwakan itu. Sekiranya perkara ini berlaku maka saya inginlah mengetahui dari Ahli Yang Berhormat atas kes-kes tersebut dengan spesifik supaya dapat saya membuat penyelidikan segera.

Saya suka mengambil peluang menjelaskan mengenai sistem kenaikan pangkat dan pengesahan dalam jawatan. Sebenarnya urusan kenaikan pangkat bagi seseorang pegawai atau kaki tangan adalah berdasarkan kepada kelulusan akademik, pengalaman-pengalaman yang sesuai dengan jawatan yang hendak dipenuhi dan kebolehan yang ditunjukkan dalam menjalankan tugas-tugasnya.

Bagi MAS nama dan rekod eksekutif-eksekutif yang berkelayakan untuk menyandang jawatan itu adalah dikemukakan kepada satu Lembaga yang terdiri dari Pengurus Besar, Setiausaha Syarikat dan Pengarah Perjawatan. Eksekutif yang berjaya akan dilantik secara percubaan selama 6 bulan, dan jika didapati pekerjaan dan tingkahlakunya memuaskan, barulah disahkan dalam jawatan tersebut. Bagi kakitangan yang bukan Eksekutif, jika terdapat kekosongan dalam jawatan, mereka dipelawa memohon jawatan

tersebut. Hanya mereka yang layak sahaja akan dipertimbangkan. Lantikan adalah secara percubaan selama 3 bulan dan jika memuaskan, barulah disahkan dalam jawatan tersebut. Bagi pentadbiran Keretapi Tanah Melayu, urusan kenaikan pangkat dan pengesahan dalam kerja adalah d'kendalikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi. Sekiranya terdapat kekosongan dalam satu-satu jawatan yang boleh dipenuhi secara kenaikan pangkat, pihak Keretapi Tanah Melayu akan mengemukakan calon-calon yang layak kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi untuk persetujuannya. Pengesahan dalam jawatan adalah bergantung kepada kemampuan pegawai itu menjalani tempoh percubaan dengan jaya, telah lulus peperiksaan yang disyaratkan (jika ada) serta mendapat sokongan dari Ketua Jabatannya.

- (c) Sepertimana yang saya terangkan semua urusan pemilihan, pengesahan di dalam jawatan dan kenaikan pangkat adalah berdasarkan kepada lunas-lunas yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, tidaklah sayugia saya memberi jaminan dalam hal ini kerana amalan-amalan ini memang diikuti oleh pentadbiran MAS dan pentadbiran Keretapi Tanah Melayu, dan sekiranya berlaku apa-apa penyelewengan daripada lunas-lunas tersebut yang Ahli Yang Berhormat dapat nyatakan, saya akan menyiasatnya dengan serta merta.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 17 adalah diberi di bawah ini).

KADAR KEMATIAN DI KELANTAN

11. Dato' Dr Wee Khoo Hock minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan kadar kematian di Kelantan ialah yang tertinggi di Semenanjung Malaysia:

- (a) sama ada Kerajaan dapat mempercepat pembinaan Hospital Besar di Kubang Kerian;
- (b) bilangan klinik baru yang dibina di Kelantan dalam tahun 1978/1979; dan

- (c) sama ada fakulti perubatan akan didirikan di Kelantan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud):

- (a) Suka saya memaklumkan bahawa pembinaan Hospital Besar Baru Kubang Kerian sedang dijalankan dengan giatnya. Adalah dijangkakan bahawa hospital ini akan siap pada tahun 1981.
- (b) Klinik-klinik baru yang dibina di Kelantan dalam tahun 1978-79 adalah seperti berikut:

(i) Yang telah siap dalam tahun 1978/79:

Pusat Kesihatan Kecil ...	1
Klinik Desa (Naik Taraf)	7

(ii) Yang sedang dibina:

Pusat Kesihatan Besar (N/T)	2
Pusat Kesihatan Kecil ...	3
Klinik Desa Baru ...	12
Klinik Desa (N/T) ...	2

- (c) Mengikut Kementerian Pelajaran sebuah Pusat Pengajian Sains Perubatan Universiti Sains Malaysia akan ditubuhkan di Kelantan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat.

KEKURANGAN JURUBAHASA/ KERANI

12. Tuan S. I. Rajah minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan kes-kes yang belum diselesaikan (backlog cases) adalah sebahagiannya disebabkan oleh kekurangan jurubahasa dan perkeranian, sama ada Menteri akan menambah kekurangan ini dan jika ya, bila?

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Saya sedar bahawa satu daripada sebab-sebab berlaku "backlog cases" itu ialah kekurangan kakitangan pejabat seperti Jurubahasa, Pegawai Kerani dan sebagainya. Atas kesedaran ini, tindakan untuk menambah Jurubahasa (Penterjemah) dan Pegawai-pegawai Kerani telahpun dijalankan melalui

Operasi Isi Penuh. Di samping itu usaha-usaha adalah sentiasa dijalankan bagi menambah bilangan Jurubahasa, Pegawai-pegawai Kerani dan lain-lain kakitangan bantuan (supporting staff) dari masa ke masa mengikut keperluan.

PENSYARAH UNIVERSITI LETAK JAWATAN

13. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) jumlah bilangan pensyarah-pensyarah tempatan yang telah meletak jawatannya dari Universiti Sains dalam tahun 1979;
- (b) jumlah bilangan pensyarah-pensyarah asing yang enggan menyambung kontrak mereka pada hujung tahun ini; dan
- (c) bagaimanakah Kementerianya akan mengatasi masalah kekurangan pensyarah-pensyarah yang tersebut.

Dato' Chan Siang Sun:

- (a) Seramai tujuh (7) orang pensyarah tempatan telah meletak jawatannya dari Universiti Sains Malaysia dalam tahun 1979.
- (b) Seramai tiga (3) orang pensyarah asing telah menolak tawaran penyambungan kontrak daripada Universiti Sains Malaysia.
- (c) Sebagai satu langkah untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar, Universiti Sains Malaysia telah melaksanakan satu Rancangan Latihan Kakitangan Akademik di mana calon-calon tempatan dihantar untuk melanjutkan pelajaran diperingkat ijazah tinggi dengan tujuan untuk kembali sebagai tenaga pengajar.

PELABUHAN KUANTAN KERETAKAN

14. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau tahu siapakah orang yang bertanggungjawab tentang projek Pelabuhan Kuantan yang mengakibatkan Kerajaan rugi berjuta-juta ringgit seperti yang dilaporkan di akhbar-akhbar tempatan.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Seperti saya telah beritahu dalam jawapan pada 19.12.1979 dalam Dewan yang mulia ini, Kerajaan masih belum dapat memastikan sama ada keretakan di Pelabuhan Kuantan disebabkan oleh kesilapan reka bentuk ataupun kesilapan dari segi pembinaan. Dengan itu satu firma perunding antarabangsa bebas telah dilantik untuk menyiasat perkara tersebut.

KENAIKAN HARGA BARANG— TINDAKAN MENGATASI

15. Tuan Abdullah bin Salleh minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak mengadakan undang-undang untuk menyekat kenaikan harga barang-barang yang menjadi-jadi sehingga rakyat yang berpendapatan rendah merasa gelisah, jika tidak, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi perkara ini.

Dato' Lew Sip Hon: Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan undang-undang untuk menyekat kenaikan harga barang-barang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga barang-barang keperluan seperti beras, gula, tepung, besi waja, simen, minyak tanah, minyak disel, minyak motor, premium dan regular, gas cecair, adalah dikawal oleh Kerajaan. Selain daripada barang-barang yang saya sebutkan di atas, Kementerian saya juga mengawasi harga barang-barang keluaran kilang-kilang tempatan yang telah diberikan perlindungan dan galakan cukai.

Bagi barang-barang yang mana harganya dikawal, Kementerian saya sentiasa membuat kajian yang teliti sebelum membuat keputusan ke atas sesuatu permohonan untuk menaikkan harga barang-barang tersebut. Kementerian saya akan hanya menimbangkan permohonan kenaikan harga yang mempunyai alasan-alasan yang menasabah seperti kenaikan kos pengeluar yang tidak dapat dielakkan. Mereka-mereka yang tidak mempunyai alasan yang cukup, biasanya ditolak.

Saya mendapati bahawa sistem mengawasi harga barang-barang yang diamalkan oleh

Kementerian saya pada masa ini adalah memuaskn dan oleh yang demikian Kementerian saya tidak bercadang untuk mengadakan undang-undang untuk menyekat kenaikan harga barang-barang.

**PAKAIAN SERAGAM JURURAWAT/
PENOLONG JURURAWAT**

16. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah benar sebagaimana yang dikatakan oleh pihak atasan Kementerian sendiri bahawa orang-ramai juga kakitangan hospital sendiri keliru dengan pakaian-pakaian seragam yang dipakai oleh semua kakitangan Jururawat dan Penolong Jururawat; jika ya, nyatakan peratusan orangramai dan kakitangan hospital yang keliru itu.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Sebenarnya tidak dapat diberi peratusan yang dikehendaki oleh Yang Berhormat kerana Kementerian tidak pernah menjalankan kajian rasmi mengenai pandangan orangramai dan kakitangan hospital terhadap pakaian seragam Jururawat. Walau bagaimanapun, memang benar ada persamaan tentang warna dan potongan pakaian seragam itu yang boleh mengelirukan pengenalan tiap-tiap kategori Jururawat dan Penolong Jururawat. Oleh itu, Kementerian sedang memperbaiki keadaan ini. Sungguhpun begitu, Jururawat-jururawat dan Penolong Jururawat dapat senang dikenali daripada warna Trimming dan jalor di tepi atau "headgear" yang digunakan oleh tiap-tiap kategori jururawat dan penolong jururawat.

- Bagi: (1) Ketua Jururawat 1 inci Trimming Renda Putih.
- (2) Jururawat Terlatih Perubatan dan Kesihatan Trimming Biru.
- (3) Jururawat Terlatih Pergigian Trimming warna Kuning Oren.
- (4) Penolong Jururawat, satu jalor mendatar (horizontal) berwarna merah.

- (5) Jururawat Desa, satu jalor mendatar warna coklat.
- (6) Bidan, satu jalor mendatar warna Hijau.
- (7) Pembantu Pembedahan Pergigian, jalor mendatar warna Kuning.

**BIASISWA KERAJAAN—
PELAJAR-PELAJAR**

17. Tuan Alexander Y. L. Lee minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) perangkaan mengenai jumlah pelajar-pelajar pemegang biasiswa Malaysia di institusi-institusi pelajaran tinggi dan universiti-universiti di luar negeri dan kadar peratusnya daripada keseluruhan bilangan pelajar yang menuntut di luar negeri;
- (b) pecahan bilangan peratus bagi tiap-tiap kaum yang merupakan pelajar pemegang biasiswa ini; dan
- (c) perangkaan pengambilan Bumiputera di setiap institusi pelajaran tinggi di Malaysia dan kadar peratusnya bagi institusi tersebut.

Dato' Chan Siang Sun: Soalan Yang Berhormat tidak menetapkan masa yang tertentu. Kalau yang dimaksudkan ialah bagi tahun 1979, berikut ialah perangkaan yang dikehendaki:

- (a) Terdapat seramai 6,958 orang pelajar yang memegang biasiswa Kerajaan Malaysia yang menuntut di institusi pelajaran tinggi dan universiti-universiti luar negeri. Jumlah ini ialah 17.1% daripada jumlah keseluruhan pelajar yang menuntut di institusi pelajaran tinggi di luar negeri (40,578 orang).
- (b) Daripada seramai 6,958 orang pelajar yang memegang biasiswa Kerajaan Malaysia ini, 6,677 (96%) orang adalah Bumiputera; 218 (3.1%) orang adalah Cina; 57 (0.8%) India dan 6 (0.1%) lain-lain.

(c) Perangkaan pengambilan pelajar Bumi-putera untuk kursus ijazah pertama dan kadar peratusnya disetiap institusi

pelajaran tinggi di Malaysia adalah seperti berikut:

Universiti	Bangsa	Bukan Bumi				Jumlah
		Bumi	Cina	India	Lain-lain	
Universiti Malaya	1063 (50.6%)	847 (40.3%)	159 (7.6%)	32 (1.5%)	2101 (100%)
Universiti Sains Malaysia	461 (50.9%)	354 (39.1%)	84 (9.3%)	7 (0.7%)	096 (100%)
Universiti Kebangsaan Malaysia	1260 (82.0%)	208 (13.5%)	58 (3.8%)	11 (0.7%)	1537 (100%)
Universiti Pertanian Malaysia	428 (82.6%)	71 (13.7%)	17 (3.3%)	2 (0.4%)	518 (100%)
Universiti Teknologi Malaysia	172 (84.7%)	22 (10.8%)	8 (4.0%)	1 (0.5%)	203 (100%)
Jumlah	3384 (64.3%)	1502 (28.5%)	326 (6.2%)	53 (1.0%)	5265 (100%)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG TAMAN NEGARA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (16hb Januari, 1980)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin.

3.38 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, pada petang ini saya ingin menyentuh beberapa peruntukan ataupun fasal di dalam Rang Undang-undang ini. Fasal pertama sekali yang saya hendak sentuh ialah Fasal 1(2).

Semalam saya telah menyatakan bahawa dalam Rang Undang-undang ini negeri-negeri Sabah dan Sarawak dan juga Taman Negara yang ada sekarang ini di Pahang, Kelantan dan Trengganu tidaklah dipakai di bawah Rang Undang-undang ini. Mungkin ada sebab-sebabnya yang negeri Sabah dan negeri Sarawak tidak termasuk di bawah kuasa Rang Undang-undang ini. Tetapi apa yang saya suka mendapat penjelasan nanti daripada Yang Berhormat Menteri

ialah mungkin sudah ada Taman-taman Negara di negeri-negeri Sabah dan Sarawak yang tidak perlu dibawa bersama di bawah undang-undang baru ini. Tetapi apa yang penting kepada saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah sama ada undang-undang yang kita gubalkan ini yang kita akan luluskan nanti sama kuat bidangnya dengan undang-undang yang ada di Sabah dan Sarawak berkenaan dengan Taman Negara mereka ataupun undang-undang Enakmen Kelantan 14/38 Enakmen Pahang 2/39 atau Enakmen Trengganu No. 6 tahun Hijrah 1358.

Kalau Undang-undang baru ini lebih kuat, lebih baik, tidak apalah tetapi kalau sebaliknya, terpaksa kita mencari jalan bagaimana menyelaraskan supaya jangan ada negeri mengatakan Undang-undang ini lebih ketat daripada Undang-undang yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan. Saya hanya dapat melihat Enakmen No. 14 tahun 1978 (Negeri Kelantan) yang telah diluluskan pada tahun 1978. Ini berkenaan dengan Taman Negara yang ada sekarang ini. Saya membawa perkara ini sebagai bandingan, Tuan Yang di-Pertua. Malangnya saya tidak dapat memperolehi di Kutub Khanah Parlimen Undang-undang yang saya sebut tadi iaitu Undang-undang Pahang dan Undang-undang Trengganu. Nampaknya Kutub Khanah kita itu tidaklah lengkap dan saya hanya mendapat ini daripada Kutub Khanah Mahkamah Tinggi.

Begitu juga Kutubkhanah kita tidak mempunyai Undang-undang Sabah dan Sarawak yang rasa saya telah diluluskan sebelum Sabah dan Sarawak memasuki Malaysia. Mungkin itu sebabnya kita tidak mempunyai undang-undang yang lama itu. Saya harap Tuan Yang di-Pertua dapat menguruskan supaya Kutubkhanah kita ini lengkap supaya membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat di sini mendapatkan bahan rujukan supaya kita dapat sama-sama memberi pandangan tertentu terhadap apa-apa juga undang-undang yang hendak dikemukakan di Parlimen nanti.

Tuan Yang di-Pertua, bila saya pandang kepada Enakmen No. 14 Tahun 1978 daripada Negeri Kelantan ini saya nampak ada seksyen-seksyen di dalam Enakmen ini yang hampir sama dengan fasal-fasal di dalam Rang Undang-undang ini. Mungkin banyak seksyen-seksyen di dalam Enakmen ini yang agaknya sudah lapuk sedikit, yang perlu diperbaiki. Ini memerlukan keputusan tiap-tiap Majlis Undangan Negeri Kelantan, Pahang dan Trengganu untuk mengupdatekan.

Saya juga rasa hairan dan mungkin Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan kerana semasa Taman Negara di Pahang, Kelantan dan Trengganu diwujudkan pada tahun 1978/1979, ini diwujudkan atas satu pengurniaan Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan, Trengganu dan Pahang dan kalau kita baca daripada preamblynya kita dapati dan izinkan saya membacanya, Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab tertubuhnya Taman Negara itu. Preamblynya dalam bahasa Inggeris; dalam bahasa Kebangsaan tidak ada, berbunyi demikian:

(Dengan izin)

“WHEREAS the Sultans of Pahang, Kelantan and Trengganu have declared their desire JOINTLY to commemorate the Silver Jubilee of the Accession to the Throne of His Majesty King George V by the dedication of certain land situated in each of the said States which shall constitute together a National Park in perpetuity for the propagation, protection and preservation of the indigenous fauna and flora of Malaya and which shall be known as the KING GEORGE V NATIONAL PARK.”

Jadi daripada mukadimah ini maka jelaslah tujuan hendak mewujudkan Taman Negara itu ialah kerana hendak memperingati Jubilee Perak Kenaikan Takhta King George V. Ini tujuan asalnya dan kalau kita baca inilah menjadi Pemegang Amanah kepada Taman yang telah ditetapkan. Saya tidak tahu di mana kuasanya terletak yang kita boleh ubah nama “King George V National Park” itu kepada Taman Negara. Betullah tujuan itu memang baik untuk memalaysianisekan ataupun hendak memberi nama Malaysia kepada Taman-taman Negara kita tetapi ini mengikut Undang-undang.

Nampaknya Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan dengan High Commissioner dahulu menjadi Pemegang Amanahnya dan kalau kita hendak tukar saya rasa Undang-undang ini juga terpaksa luput tetapi seperti kita sedia maklum daripada keterangan Yang Berhormat Menteri semalam Undang-undang ini masih kekal, tidak ada cadangan hendak memansuhkan Undang-undang itu. Jadi mungkin kita telah melanggar tujuan asal tadi. Ini terpulanglah kepada pakar-pakar Undang-undang kita untuk mencari jalan bagaimana mengatasinya. Apa yang saya mengerti di dalam Undang-undang serah biasanya kita terpaksa menengok apakah maksud amanah itu. Kalau amanah itu sekian-sekian, tidaklah boleh kita lari daripada amanah itu, kalau tidak batal Statute.

Tujuan asalnya nampak hendak mengingatkan Perayaan Jubilee Perak seseorang raja asing tetapi sekarang ini mungkin itu tidak menjadi sebab lagi kita telah tukarkan namanya dan nama biasa yang digelar sekarang ini ialah Taman Negara dan tidak lagi “King George V National Park”. Tetapi kalau mengikut Undang-undang masih lagi kalau tidak salah saya terpaksa kita gunakan nama King George V National Park.

Kalau kita tengok juga kepada peruntukan-peruntukan yang ada di dalam Rang Undang-undang ini, ada yang kemas dan ada juga yang tidak kerana Enakmen ini telah merangkumi sekali kuasa-kuasa berkenaan dengan perlindungan hidupan liar dan juga merangkumi perlindungan terhadap tumbuh-tumbuhan. Ini juga saya rasa tujuan Rang Undang-undang baru kita ini tetapi seperti saya sebut semalam kita telahpun mewujudkan satu Rang Undang-undang di Parlimen kita ini iaitu Akta Perlindungan Hidupan

Liar, 1972 yang mana kita memperlindungan semua haiwan-haiwan yang kita rasa patut diilindungi. Jadi ada persamaan di antara dua Rang Undang-undang yang saya sebutkan petang semalam. Jadi bila hendak mentadbirkannya nanti mungkin timbul sedikit sebanyak kesusahan. Tetapi kalau kita pandang di dalam Rang Undang-undang baru kita ini di bawah Fasal 2 disebutkan "Ketua Pengarah ertinya Ketua Pengarah Hidupan Liar dan Taman Negara yang dilantik di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972". Nampaknya orang yang sama akan mentadbirkan kedua-dua Undang-undang tadi; iaitu Undang-undang tahun 1972 yang saya sebutkan dan Undang-undang yang kita akan luluskan sebentar lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya Fasal 4 ini adalah fasal yang penting sekali di dalam Rang Undang-undang ini. Ini menunjukkan keluasan Undang-undang yang kita maksudkan dan bila kita baca di sini:

"4. Tujuan penubuhan Taman-taman Negara ialah untuk memelihara dan memperlindungi hidupan liar, hidupan tumbuh-tumbuhan dan benda-benda yang mempunyai kepentingan dari segi kajibumi, kajipurba, sejarah dan etnologi dan lain-lain kepentingan dari segi sains dan pemandangan, dan melalui pemeliharaan dan penggunaannya untuk memajukan pendidikan, kesihatan, nilai estetik dan rekreasi orang ramai."

Ini agak sungguhpun luas tetapi tidak begitu luas, kerana tiada lain-lain Fasal yang saya nampak yang boleh sepatutnya memberi kuasa kepada mereka yang tertentu mengatakan apa juga perbuatan yang agaknya bertentangan dengan Fasal 4 akan menjadi satu perbuatan larangan dan boleh dihukum. Dengan erti kata lain kita tidak nampak di dalam Rang Undang-undang ini peruntukan berkenaan dengan satu kesalahan dan penaltinya. Apa yang timbul ialah hanya di bawah peraturan yang boleh dibuat oleh Yang Berhormat Menteri di bawah Fasal 11.

Inilah seperti yang saya katakan dahulu, ini bukan kali pertama saya sebutkan. Kalau kita hendak membuat sesuatu kesalahan mengatakan sesuatu perbuatan itu menjadi kesalahan, kita tetapkan apakah hukumannya supaya kita tahu setakat mana hukumannya dan biarlah rasa saya Parlimen menetapkan dan bukannya Yang Berhormat Menteri

seorang sahaja yang menetapkan. Tetapi di sini telah kita lihat apa-apa kesalahan, apa-apa perbuatan yang boleh dianggap kesalahan dan penaltinya hanya dibuat oleh seorang sahaja iaitu Menteri seorang diri, tidak dengan kelulusan Ahli-ahli Parlimen.

Kita dengan rela atau dengan tidak rela, sama ada dengan sengaja atau tidak sengaja menyerahkan kuasa untuk membuat penalti itu atau mengatakan apa-apa yang menjadi kesalahan kepada Menteri. Kalau kita sanggup berbuat demikian dia mempunyai kuasa. Tetapi rasa saya mana-mana undang-undang sekalipun yang baik sekali cara digubal ialah supaya Dewan Parlimen sendiri menetapkan apakah jenis yang boleh menjadi kesalahan dan apakah penalti maksimumnya. Ini kebiasaan kita lakukan seperti undang-undang yang kita luluskan berkenaan dengan perlindungan hidupan liar. Semua kesalahan di dalam Akta Ibu, semua penalti di dalam Akta Ibu tetapi di bawah Rang Undang-undang ini apa-apa perbuatan yang hendak dijadikan kesalahan diletakkan di bawah peraturan iaitu timbul di bawah Fasal 11. Tidak ada satu Fasal lain di dalam Akta Ibu ini atau di dalam Rang Undang-undang ini yang mengatakan sekian-sekian perbuatan akan menjadi kesalahan. Saya rasa ini tidaklah satu amalan yang baik yang patut dijalankan di dalam pembuatan undang-undang.

Kita sebagai Ahli-ahli Dewan yang membuat undang-undang patut mengetahui apakah jenis perkara yang kita hendak mengatakan ini menjadi kesalahan dan setakat manakah penalti yang kita sanggup benarkan. Itu patut menjadi tugas Parlimen, bukan tugas Menteri. Tetapi malangnya dalam Rang Undang-undang ini tidak ada, kita sanggup menyerahkan ini kepada Yang Berhormat Menteri seorang. Dari segi undang-undang ini tidak salah tetapi patut atau tidaknya. Ini menjadi soalan. Saya rasa kalau kita lihat mana-mana undang-undang yang begitu banyak kita luluskan selalunya ada peruntukan penalti itu di dalam Undang-undang Ibu atau Akta Ibu. Kalau peraturan-peraturan lain dan penalti-penalti yang lebih rendah daripada penalti maksima yang kita hendak kenakan itu, itu boleh kita berikan Menteri membuatnya tetapi kalau kita lihat di dalam Fasal 11, daripada (a-q), inilah kuasa-kuasa yang luas yang diserahkan bulat-bulat kepada seorang sahaja iaitu Menteri. Saya tidak mengatakan yang Menteri akan

membuat satu-satu peruntukan atau satu peraturan yang kurang wajar. Tetapi rasa saya ini satu tanggungjawab kita bersama yang besar dan tidak patutlah kita menyerahkan kepada seorang sahaja. Biarlah ini menjadi tanggungjawab bersama Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Ahli-ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik saya kepada Fasal 5. Sungguhpun ada teguran-teguran daripada sahabat-sahabat saya semalam berkenaan dengan keanggotaan Majlis Penasihat Taman Negara, saya percaya peruntukan yang ada di bawah ini memanglah luas dan Yang Berhormat Menteri boleh melantik beberapa orang untuk menganggotai Majlis Penasihat Taman Negara ini. Kalau kita lihat umpamanya di bawah Fasal 5 (1) (b), kita kena bacakan daripada (1) atas sekali;

“5. (1) Maka hendaklah ada satu Majlis Penasihat Taman Negara yang hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:

(a) x x x x x x x x x x

(b) seorang wakil yang dinamakan oleh Pihak berkuasa Negeri dari tiap-tiap satu Negeri dalam mana terdapat suatu Taman Negara atau sebahagian darinya;”.

Ini boleh dikatakan luas dari segi Majlis Penasihat Taman Negara. Tetapi kalau kita lihat pula di bawah Fasal 7 yang rasa saya yang penting sekali, penubuhan Jawatankuasa Taman Negara yang sebenarnya menyelenggarakan ataupun menguruskan tiap-tiap satu Taman Negara itu, ini ramai orang yang boleh dilantik. Kalau pada 7 (1) (b) kita lihat:

“7. (1) (b) seorang wakil dari tiap-tiap satu jabatan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sebagaimana yang Menteri fikirkan perlu diwakili;”.

Di sinilah kalau umpamanya kita hendak lantik seorang daripada Muzium Negara sungguhpun tiada peruntukan yang khusus, saya percaya Yang Berhormat Menteri boleh melantik wakil daripada Muzium Negara di bawah Fasal 7 (1) (b) ini. Itu ada baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka p'ndah sekarang kepada Fasal 9 iaitu berkenaan dengan menduduki tanah dalam kawasan Taman Negara. Saya telah membaca Enakmen yang saya sebutkan tadi daripada negeri

Kelantan, nampaknya tidak berbeza sangat dengan peruntukan yang ada dalam undang-undang ini. Nampaknya kita telah mengikut Undang-undang yang lama dan membubuhkan dalam Rang Undang-undang yang baru ini.

Di sini seperti saya sebutkan semalam apabila kawasan itu telah diserahkan kepada Kerajaan Pusat atau kepada Kementerian dan rezabkan sebagai kawasan perlindungan maka pihak negeri t'daklah berkuasa hendak mengambil balik tanpa persetujuan Yang Berhormat Menteri. Peruntukan ini rasa saya adalah peruntukan yang baik kerana kalau tidak, bukan saya hendak katakan tamak, tetapi oleh kerana masalah ekonomi menjadi masalah penting kepada negeri, maka ada kemungkinan yang negeri-negeri mahu meminta balik sebahagian daripada kawasan yang telah direzabkan sebagai Taman Negara ini untuk dijadikan kawasan melombong ataupun kawasan balak. Dan di sini kalau kita lihat di bawah Fasal 9, kalau Yang Berhormat Menteri rasa ini patut diberi bolehlah diberi. Dan di sinilah saya suka memberi sedikit pandangan saya. Sungguhpun masalah ekonomi negeri masalah penting, tetapi apabila kita bandingkan dengan masalah perlindungan tumbuh-tumbuhan dan perlindungan hidupan liar, kalau saya terpaksa memilih, bagi saya, saya tentu memilih supaya kita melindungi kehidupan liar dan juga tumbuh-tumbuhan. Dengan erti kata lain, janganlah kita senang-senang sahaja beri dalih sungguhpun banyak mungkin desakan dan sebagainya oleh pihak-pihak negeri supaya menyerahkan balik sebahagian daripada kawasan yang termasuk dalam reserve tadi untuk dijayakan kerana kalau kita baca di bawah Fasal 9 tadi yang mana ada disebutkan:

“9 (1) x x x x x x x x x x x x x x

(a) x x x x x x x

(b) x x x x x x x

(c) x x x x x x x

(d) x x x x x x x

Jika Pihak berkuasa Negeri memik'irkan mana-mana daripada maksud-maksud ini sebagai perlu dan demi kepentingan kemajuan Taman Negara itu”

Inilah maknanya, jikalau Pihak berkuasa Negeri bila dia pandang sedikit ada mungkin keuntungan ekonomi dan mereka meminta

kepada Menteri supaya menyerah balik, di sinilah rasa saya kita biarlah mengambil masa menimbangkan dengan bijak supaya janganlah dengan senang-senang sahaja melepaskan balik. Kalau ada cara lain yang boleh kita gantirugi kepada Kerajaan Negeri kerana tidak dapat menghasilkan sama ada kawasan balak ataupun kawasan lombong, kita cari jalan lain untuk membayar gantirugi itu. Pada saya, saya rasa berat sekali hendak bertolak ansur di dalam perkara ini.

Pembinaan-pembinaan beberapa perkara di dalam kawasan reserve itu seperti pembinaan jalan, lapangan terbang, ampangan dan sebagainya termasuklah hotel memanglah dibenarkan. Di sini saya suka membawa sedikit perhatian berkenaan dengan pembinaan hotel-hotel di dalam kawasan yang telah kita reserve nanti. Saya rasa tujuan memperlindungi kawasan ini ialah supaya ini tidak menjadi tempat tumpuan orangramai sangat. Kalau ini menjadi tempat tumpuan orangramai umpamanya, kita hendak buat treetop seperti di Kenya yang mana khususnya pelancung-pelancung datang hendak menengok binatang-binatang liar di sana. Itu lain tujuannya. Tetapi kalau maksudnya kita ialah hendak memperlindungi tumbuh-tumbuhan kepada saya lebih ramai orang datang, lebih banyakkah binasa tumbuh-tumbuhan itu. Di sinilah saya rasa kebijaksanaan mereka yang mengelolakannya nanti. Adakah ini hendak digalakkan sebagai satu taman yang mana pelancung-pelancung datang hendak melihat sama ada tumbuh-tumbuhan ataupun binatang-binatang liar ataupun taman-taman yang diperlindungi daripada orangramai. Ini bukannya masalah senang. Saya sedar itu. Jikalau kita lihat di negara-negara yang mempunyai taman-taman semacam ini ada kawasan-kawasan dibenarkan untuk dijadikan kawasan yang mana pelancung-pelancung boleh pergi berkemah dan pergi berpiknik dan sebagainya, tetapi ada kawasan-kawasan seorangpun tidak dibenarkan masuk, kerana kalau orangramai masuk sudah mesti banyak perkara-perkara yang tidak diinginkan akan berlaku seperti kebakaran, kebinasaan tumbuh-tumbuhan dan sebagainya.

Ini sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah kerana kita belum lagi sampai ke peringkat yang mana rakyat kita mempunyai perasaan tanggungjawab cinta kepada tumbuh-tumbuhan dan juga kecantikan semula jadi. Ini

masih lemah lagi dalam perasaan rakyat kita. Saya sanggup menyatakan begini kerana kalau kita pergi ke mana-mana sahajalah taman yang telah kita wujudkan, baik Lake Gardens (Taman Perdana) ini ataupun di kawasan-kawasan lain seperti di Port Dickson, di pantai Cinta Berahi di Kota Bharu ataupun di Pulau Pinang; kita lihat orangramai yang datangnya bukannya membantu membersihkan pantai-pantai ataupun taman-taman itu, sebaliknya mereka datang mengotorkan lagi.

Kalau kita letakkan tong sampah sekalipun di situ, tidak digunakan tong sampah itu, dibiarkan sahaja di atas pantai-pantai itu. Kalau umpamanya Taman Perdana ini oleh kerana ramai penjaga-penjaganya ada yang digaji oleh Datuk Bandar untuk mengawasi supaya tidak ada sampah-sarap dibuang, orang takut berbuat demikian kerana dendanya tinggi. Tetapi, kalau pergi ke Port Dickson hari ini, tengoklah begitu kotornya. Ini menunjukkan perasaan rakyat kita sendiri. Kita belum lagi sampai ke peringkat di mana kita lebih senang kita tengok tempat itu bersih. Kalau kita makan nasi lemak, lepas makan kita campakkan kita tidak letakkan di dalam tong-tong yang tertentu. Saya sendiri tiap-tiap kali saya pergi ke Port Dickson, saya tengok betapa kotornya pantai. Ini kerana rakyat kita sendiri berbuat demikian. Inilah satu proses pelajaran yang patut kita sebarkan dengan seluas-luasnya. Ini datang daripada hati tiap-tiap rakyat kita. Kalau terpaksa sekalipun kalau tidak orang yang nampak dibuang juga. Bagaimanakah caranya kita hendak mewujudkan supaya rakyat kita datang dengan sendirinya perasaan semula jadi yang hendakkan tempat itu bersih dan hendakkan tempat itu tidak binasa. Inilah sebabnya. Kalau kita adakan kawasan-kawasan seperti Taman Negara yang mana kita mengadakan ini diperlindungi, tetapi dengan adanya undang-undang sahaja dengan tidak ada perasaan daripada tiap-tiap manusia, kita tidak boleh mengawalinya.

Saya tidak percaya Yang Berhormat Menteri boleh mengadakan beratus-ratus ataupun beribu-ribu penjaga untuk menjaga Taman Negara ini. Apa yang ada sekarang ini pun tidak cukup. Ini pula kita hendak adakan dengan begitu banyak. Kita belum mempunyai wang yang cukup untuk membiayai perkhidmatan sedemikian, dan untuk

mengatasinya ialah bagi kita mengajar dan memberi pendidikan kepada anak-anak kita, daripada bangku sekolah lagi supaya ber-cermat terhadap tumbuh-tumbuhan, supaya mereka suka akan alam sekitar mereka itu bersih dan tidak oleh kerana dipaksa oleh undang-undang, tidak kerana ada notis mengatakan: "membuang sampah denda \$500". Bukan kerana itu. Tetapi ini adalah satu kelemahan yang terpaksa kita akui. Kita pergi sahajalah ke mana, baik bangunan Kerajaan sendiri begitu kotor. Di hospital yang baru kita buat, Tuan Yang di-Pertua, kalau pergi sendiri begitu kotornya kalau kita bandingkan. Ini kenapa? Rakyat kita sendiri belum lagi mempunyai perasaan sedemikian. Kalau berlaku di hospital yang mana ada orang memerhatikan, ini pula di hutan belantara yang tidak ada orang yang hendak mengawalinya.

Saya mintalah Yang Berhormat Menteri mencari jalan dengan pegawai-pegawainya, dengan Ahli-ahli Jawatankuasanya bagaimana kita boleh menyebarkan pelajaran kepada rakyat jelata kita supaya mencintai alam semulajadi supaya mengekalkan kebersihan dan keselamatan di dalam taman-taman yang kita akan wujudkan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengambil masa yang agak panjang di dalam perbincangan terhadap Rang Undang-undang ini kerana inilah salah satu Rang Undang-undang yang saya rasa senang, senang kerana kita mahu memelihara apa yang telah diberikan oleh Allah s.w.t. kepada kita. Alam semulajadi yang indah permai tetapi kadangkadangkang dengan betamakan manusia apa yang cantik, yang elok itu binasa. Dan untuk mengekalkan apa yang masih lagi tinggal maka perlulah kita mengadakan satu Undang-undang yang agaknya munasabah dan kokoh supaya masa depan rakyat kita untuk menikmati sebahagian daripada alam semulajadi ini termasuklah hidupan liar dapat terjamin.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan perasaan penuh sukacita menyokong atas kelulusan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajjah Salmah.

4.12 ptg.

Puan Hajjah Saimah binti Sheikh Husain: Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan Rang Undang-undang Taman Negara 1979 ini oleh kerana Rang Undang-undang ini dirangkumkan secara umum dan banyak fasal-fasal yang telah disentuh oleh saudara-saudara saya Ahli-ahli Yang Berhormat dari semalam lagi maka dalam membahaskan Rang Undang-undang ini walaupun dikatakan dan dipandang ada beberapa perkara yang akan disebut dan dibahaskan oleh saya nanti hampir sama dengan saudara-saudara saya Ahli-ahli Yang Berhormat itu tetapi kerana kita memandangkan; dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, sepotong ayat yang berbunyi: Fazakir faina zikra tanfa aulil mukminin. Ia itu memberi ingat berulang-ulang itu adalah menjadi munafaat kepada kita seluruhnya terutama Menteri yang menyediakan Rang Undang-undang ini. Maka dengan itu Undang-undang ini adalah amat diperlukan. Kerana selama ini walaupun ada Undang-undang tetapi tidak dikanunkan, walaupun dikanunkan tetapi kawalan tidak diketatkan, jagaan-jagaan tidak dikenakan di samping tujuan-tujuan penubuhan sesuatu kawasan bagi Taman Negara negeri-negeri.

Yang sangat penting dan amat berguna bagi memelihara keaslian dan keindahan kawasan-kawasan terpenting itu, maka Undang-undang ini adalah d'alu-alukan benar kerana dengan Undang-undang ini akan mendatangkan dan tidak membawa kepada fikiran yang boleh menjadi serabut oleh gejala-gejala pembangunan negara, maka saya sekali lagi mengalu-alukan Rang Undang-undang ini dibawa dan diluluskan.

Cuma apa yang saya merasakan masih kekurangan seperti kita tahu Kelantan, Pahang dan Trengganu sahaja yang ada Taman Negara tetapi walaupun demikian, yang pernah diketahui dan menjadi perhatian ialah Taman Negara di Pahang. Kenapa di lain-lain tempat tidak diadakan Taman Negara, ini saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, kenapa di lain-lain tempat tidak diadakan kerana umpamanya di Perak, Kedah kedua-dua negeri itu terutama sekali di negeri Perak masih banyak kawasan, masih banyak hidupan liar, masih banyak pemandangan-pemandangan asli yang cantik-cantik dan menarik dan ada pula kaitan

dengan sejarah negeri dan kekuasaan maka adalah amat elok d'segerakan mengadakan penubuhan Taman Negara di situ. Tanah-tanah bekas galian yang ada kaitan dengan kekuasaan negeri telah tidak dijadikan sumber sejarah bagi pembangunan negara itu walaupun tidak kering-kuntang. Ini juga perlu kerana ada kaitan dengan sejarah juga lain-lain negeri walaupun kawasan tidak sebegitu luas tetapi mengikut kepentingan sesuatu tempat dan mengikut kepentingan umum maka adalah perlu Taman Negara itu diadakan.

Juga di Sabah dan Sarawak walaupun di dalam Rang Undang-undang ini dikecualikan tetapi saya harap janganlah dikecualikan Sabah dan Sarawak itu kerana dari segi pembangunan dan hubungan adalah perlu disamaratakan dengan peraturan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan bagi melindungi hidupan liar sebagaimana yang kita dapati di dalam Rang Undang-undang ini patutlah Kerajaan menguatkuasakan Rang Undang-undang ini kerana Taman Negara ini terbuka kepada ramai dan boleh pergi bila-bila masa sahaja dan boleh kita berkhemah, boleh bermalam dan boleh berburu sama ada kita berburu binatang dan juga cara-cara yang dilakukan. Tetapi saya pernah mendapat tahu kehidupan liar yang amat berkurangan juga telah menjadi binatang perburuan yang d'sukai sedangkan tindakan ini boleh dikatakan hanya demi amaran sedangkan tindakan jarang kedengaran. Tuan Yang di-Pertua, maka untuk melindungi hidupan liar ini hendaklah dijadikan satu kesalahan yang berat bagi sesiapa yang melakukannya dan Taman Negara ini hendaklah dijadikan tempat membiak hidupan liar dengan bebas dan terpelihara daripada penceroboh-pencerobohan dan pemusnahan.

Tumbuhan-tumbuhan juga sebagai yang telah didapati di dalam Rang Undang-undang ini di mana tumbuh-tumbuhan juga yang berumur lanjut patut diperluas dan pokok-pokok yang penting dan kayuan-kayuan yang baik yang dijadikan bahan perumahan dan hiasan yang tahan, cantik hendaklah dijadikan larangan bagi pemusnahan-pemusnahan walaupun ia penting dari segi kewangan dan pandangan. Maka di kawasan Taman Negara ini hendaklah dikuatkuasakan larangan bagi

pemusnahan itu, jangan ada sindiket-sindiket yang menggunakan Taman Negara ini serta kehidupan liar sebagai tempat bahan perniagaan. Umpamanya yang penting kepada kita kehidupan liar yang telah berkurangan dan amat kurang itu dan kemungkinan akan pupus zuriatnya hendaklah disesuaikan supaya hidup di Taman Negara dengan membiak dan ditetapkan kawasan-kawasan itu menjadi kawasan larangan sementara bagi peminat-peminat hutan dan binatang liar, juga pandangan-pandangan yang cantik dan baik itu hendaklah diawasi.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan hendaklah memastikan bahawa sebelum diwujudkan satu Taman Negara baru, perkara yang paling penting hendak dibuat satu peraturan atau Undang-undang dengan masa yang ditentukan sebelum wujudnya Taman Negara baru itu. Setiap apa yang ada di dalam Taman Negara itu, umpamanya binatang hidupan liar di darat ataupun di dalam air, tumbuh-tumbuhan seperti pokok-pokok dan bunga-bunga, rumput-rumput yang berharga dan yang terbaik, kawasan pemandangan yang asli, cantik, tenang dan menyejukkan pandangan untuk menikmati tempatnya itu maka bahan-bahan kajian sejarah, purba dan galian seperti emas, bijih, minyak dan sebagainya hendaklah dijadikan barang larangan atau barang tegahan atau diharamkan terus memasuki kawasan tersebut walau dengan alasan apa juga oleh sesiapa juga. Saya merasa bimbang kalau ini tidak dibuat peraturan yang begitu kemas maka Taman Negara yang akan kita wujudkan itu tidak akan merupakan keaslian bahkan telah cabul dengan muslihat kotor dan diri sendiri. Maka inilah yang perlu kita tekankan dalam perkara-perkara yang begitu penting.

Tuan Yang di-Pertua, juga patut mendapat perhatian kawasan hutan yang pemandangannya cantik, hebat dan diikuti dengan kaitan sejarah seseorang, sesuatu tempat, sesuatu negeri dan sesuatu sebab, maka itu hendaklah dikekalkan tradisinya, tidaklah perlu dimodernkan mengikut segelintir kepentingan seseorang itu. Saya rasa pihak negeri tidaklah mencari alasan-alasan bagi menolak permintaan Menteri bagi menguntukkan sedikit kawasan tanah bagi peruntukan Taman Negara, kalau hutannya telah kurang tetapi lautannya tentulah masih luas.

Umpamanya di Pulau Pinang, lautan keliling, kalau daratannya telah tandus dengan projek tentulah lautan masih kosong, sebagaimana juga apa yang telah diperkatakan oleh saudara saya Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin. Maka dengan alasan-alasan kawasan tidak ada, hendaklah sepatutnya janganlah dijadikan alasan, sebab setiap negeri patut ada Taman Negara, cuma bergantung kepada masalah besar atau kecilnya sahaja perbezaannya itu. Maka alasan-alasan Taman Negara akan diadakan di negerinya itu hendaklah disegerakan, kerana perkara ini amat penting terutama saya memandang kepada jenerasi-jenerasi muda dan baru yang perlu kepada ketenangan jiwa di samping menikmati keaslian tanahairnya dan mengelak diri dari bersimpang-siur di dalam kota.

Berkenaan Majlis Penasihat Taman Negara ini yang perlu biarlah ahli atau pakar dalam hutan dan isinya dan hendaklah terdiri dari orang yang benar-benar memahami tugas-tugasnya dalam perkara ini dan benar-benar meminati dan sayang serta cinta kepada keaslian, ketenangan dan sayang kepada setiap benda yang ada dalam Taman Negara itu sama ada penggunaannya, penjagaannya dan pemeliharaannya supaya berkekalan dan menjadikan tempat itu bagi orang ramai menjadi menarik kepadanya. Benar-benarlah ia orang yang mengerti dalam masalah pakar dan penasihat ini dan benar-benar bertanggungjawab, kadang-kadang kita dapati dalam perkara ini orang yang tidak berpelajaran lebih tahu, lebih sayang, lebih mengerti akan keadaan-keadaan di dalam kawasan-kawasan Taman Negara itu, kadang-kadang ia menggunakan hanya perasaannya sahaja. Dalam masalah ini cukup menjadikan kawasan itu kawasan yang menarik, dengan ini pihak Menteri janganlah memandang sepi perkara yang begini berat walaupun kita dalam perkara ini mudah membahaskan tetapi dalam menjalankan tugasnya memang kita mesti berhati-hati dalam mencapai perlak-sanaannya itu. Ini bukanlah bermakna saya menidakkan orang yang berpengetahuan tinggi tidak perlu menasihati Menteri dalam perkara ini, kadangkala patut juga dia memberi pandangan yang baik-baik untuk meninggikan imej lagi. Kadangkala perlu diperseimbangkan pengetahuan dan pengalaman adalah sama dalam perkara memberi nasihat, tunjuk ajar, tegur dalam hal-hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, barangkali saya tidak banyak lagi hendak menyentuh kerana tadi sudah saya katakan secara umum. Maka akhir sekali dalam Fasal 10, bahagian (2), (3) dan (4)—Larangan Awam terhadap Melombong. Dalam kawasan Taman Negara ini, dengan ringkas kalau dibaca balik bahagian (2), (3) dan (4) ini ada satu persoalan yang kepada saya paling rumit sekali, iaitu yang akan timbul nanti satu masa. Maka dengan demikian perkara ini patut sekali Kerajaan adakan satu peraturan, iaitu jika kawasan tanah yang telah direzabkan itu sebagai Taman Negara, tiba-tiba kedatangan galian yang banyak dan berharga di dalam tanah itu, Kerajaan hendaklah menetapkan dari sekarang dalam masalah ini supaya tanah yang diambil untuk mengorek galian hendaklah dapat diganti kawasan itu balik semula ataupun saya rasa sependapat dengan saudara saya Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin, iaitu walaupun benda ini mungkin berlaku seperti tanah rezab yang sudah disediakan untuk menjadi Taman Negara, tiba-tiba dalam hal galian ini, katalah seperti bijih yang paling berharga di dalamnya itu terdapat, patutlah kita memandangkan mana yang lebih rasa penting untuk dijalankan. Dalam masalah ini maka pihak Kerajaan mestilah dari sekarang membuat penentuan supaya jangan pula tanah ini dapat ditukar ganti dengan muslihat pihak pembeli dan pihak peniaga itu untuk mendapat nikmat yang lebih banyak. Akhir sekali hasil-hasilnya pula hendaklah ditentukan dari sekarang, bagaimanakah cara hasil-hasilnya dalam perakuan atau pajakan itu.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan Rang Undang-undang ini walaupun pada mulanya ingin saya menyentuh satu persatu huraian fasal demi fasal tetapi rasa saya tidak perlulah saya mengulang-ulang di mana sama-sama telah kita dapat teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat tadi dan juga dari saya sendiri. Diharap Menteri yang berkenaan betul-betul apabila sudah meluluskan Rang Undang-undang ini nanti biarlah nikmat-nikmat rahmat yang diberi oleh Allah (s.w.t.) asal kepada kita itu dapat menjadikan kesan-kesan faedah yang manfaat kepada negara seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik.

4.29 *ptg.*

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:
Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini kerana saya juga dengan sukacitanya mendapati adanya Taman Negara ini.

Semalam Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad telah membuat pantun dan gurindam, pada hari ini saya hendak membuat satu sajak, hendak lawan Yang Berhormat itu dengan sajak.

Sajak saya berbunyi begini:

Hutan belantara ku menghijau
Gunung-ganang tegak, teguh berani
Lautan indah sungainya jernih
Pantai putih bersih
Biar kau hidup segar
Naung menaung, lindung melindungi
bebas
Kami akan pertahankan kau selama-
lamanya
Jangan dikorek, diperkosa, dicerobohi
dara-daramu
Lagi oleh manusia ganas.

Ini sajak saya.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu iaitu manusia ini di dalam bahasa Inggerisnya adalah a higher animal dan kita ini adalah satu daripada higher animal. Maknanya binatang yang tinggi daripada binatang-binatang yang lain. Ini dalam bahasa Inggerisnya a higher animal. Cuba kita tengok sendiri, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya hendak bercakap berkenaan dengan Taman Negara, saya hendak memberitahu apa sebab-sebabnya kita berkehendakan Taman Negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita tengok berok di hutan. Kita tengok di Amerika, berok yang dikata chimpanzee, dia juga pandai, pandai minum air, dia pandai makan roti, dia pandai menari. Ini menunjukkan iaitu berok-berok ini juga mempunyai akal macam manusia. Berok ini juga hendak kahwin macam kita. Cuba kita tengok dalam hutan binatang kahwin.

Cuba baca H.E. Wells. Apa kata H.E. Wells. Kita orang Islam, kita tidak mengaku menyatakan asal kita adalah daripada berok,

sebab selama-lama manusia itu satu daripada berok. Ini asal kita. Mengikut H.E. Wells kita ini berok besar. Mula-mula berjalan bongkok, kemudian naik, naik, ekor kita lama-lama sontot. Kalau tidak percaya cuba tengok di belakang kita ini ada lagi kesan ekor. Ini kata H.E. Wells. Jangan nanti disilap oleh saudara saya daripada pihak yang lain mengatakan Raja Nong Chik percayakan H.E. Wells—tidak. Ini kajian yang sebenarnya yang dijalankan oleh penyiasat. Jadi kita mempunyai akal macam binatang yang lain. Tetapi oleh kerana kita mempunyai akal yang lebih diberi oleh Tuhan kerana dalam agama kita juga mengatakan iaitu Tuhan telah memberikan kita akal yang lebih daripada yang lain-lain.

Pada masa dahulu lembu, kerbau ini ialah jenis yang liar, tetapi oleh kerana manusia berakal maka diambilnya kerbau ini, dipelihara dan digunakan kerbau untuk membajak. Diambilnya lembu yang liar ini digunakan untuk membajak dan juga dimakannya lembu itu. Begitu juga dicari kuda-kuda—dahulu kuda-kuda ini semuanya liar, diambilnya kuda-kuda liar ini diternaknya dijadikan kuda untuk ditunggang, untuk mengangkut barang-barang ataupun untuk bekerja di sawah ataupun untuk berperang, digunakan oleh manusia.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini akal manusia yang lebih. Pada hari ini kita tidak gunakan kuda seperti dahulu oleh kerana kita manusia menggunakan akal, ada machinery yang boleh lebih cepat, kapal-terbang lebih cepat, roket lebih cepat, sebab manusia diberi Tuhan akal yang lebih. Oleh kerana manusia mempunyai akal yang lebih tadi, kita juga mesti mengasihani kepada jenis binatang-binatang yang di bawah kita tadi yang dikatakan yang lain-lain.

Saya menengok seekor binatang namanya Orang Hutan yang ada di Sabah dan Sarawak, diletakkan dalam Zoo Johor. Ada sepasang di situ. Yang betinanya mati, si jantannya itu menangis, tidak hendak makan, tidak hendak minum. Lebih lagi dia menginsafi dirinya daripada setengah daripada dia. Kalau isteri kita meninggal dunia, barangkali tiga hari selepas itu kita sudah kahwin (*Ketawa*). Kasih lagi binatang seperti ini. Setengah-setengahnya pula kalau kita fikirkan iaitu binatang ini lebih elok pula fikirannya daripada manusia tadi. Dengan sebab itu kita mesti pelihara mereka ini.

Cuba kita pandang, Tuan Yang di-Pertua, pada masa dahulu kita juga hidup macam mana binatang itu hidup. Itu yang dinamakan pada masa dahulu *cavesmen*—orang dalam gua. Niah Caves di Sarawak begitu juga. Beribu-ribu tahun dahulu bukan dikatakan *middle age*—bukan, lebih *middle age*—*stone age*. Di mana kita duduk? Kita duduk di dalam gua, kita tidak tahu buat rumah, kita duduk dalam gua-gua dengan menggunakan senjata-senjata daripada baru yang kita dapat dalam muzium-muzium kita. Jadi kita sebagai manusia mesti insaf diri kita, dengan sebab itu kita dahulu seperti binatang-binatang yang liar ini tadi, sepatutnya kita sudah berakal tinggi, jadi sepatutnya kita memelihara binatang-binatang yang liar ini. Itu sebabnya saya bercakap di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya oleh kerana perkara ini memanglah dari dahulu saya rasa patut kita buat. Tetapi pada masa dahulu juga Kerajaan telah membuat—bukan tidak dibuat oleh Kerajaan. Kalau kita katakan tidak dibuat oleh Kerajaan, itu tidak betul.

Kita tahu King George V National Park di Tembeling, Pahang di mana dibuat oleh Kerajaan di sana, juga memelihara pokok-pokok ini bukan tidak ada dibuat oleh Kerajaan ada *forest reserve* yang tidak boleh ditebang walaupun kalau mengikut undang-undang tidak boleh ditebang satu pokok pun, itu *forest reserve*. Itu ada. Apapun tidak boleh diambil. Itu memelihara pokok-pokok. Memelihara pokok-pokok ada *forest reserve*-nya dan memelihara binatang-binatang ada di King George V National Park di Pahang. Tetapi ini tidak cukup lagi oleh kerana kita nampak selepas kita mencapai kemerdekaan, negara kita lebih maju lagi. Kita merdeka oleh kerana kita berkehendakkan kemajuan yang lebih. Di sinilah datangnya kita mesti mengadakan lebih sedikit. Apa lagi oleh kerana pembangunan yang kita nampak pada hari ini. Tetapi ini jangan pula kita silap, semua sekali hutan ini hendak digazetkan dijadikan *reserve* binatang, alangkan *reserve* manusia pun tidak ada. Macam mana Yang Berhormat sahabat saya mengatakan *reserve* di Pulau Pinang, manusia pun tidak ada *reserve*, di Pulau Pinang bumiputrauduknya di tepi-tepi laut. Tanahnya pun tidak ada, manusia pun tidak ada ber*reserve*.

Dahulu semasa Inggeris ada juga Malay Reserve supaya orang-orang Melayu jangan pupus, jangan hanyut, diadakan Malay Reserve. Jangan lupa. Kita juga memikirkan iaitu manusia juga berkehendakkan kemajuan, pembangunan, jangan kita fikir kita mesti banyakkkan *reserve*, tiap-tiap negeri mesti ada *reserve*. Di Selangor di mana hendak cari *reserve*. Kalau direservekan habis kita semua masuk dalam *reserve*. Kita pula jadi binatang liar. Ini bukan saya membangkang, saya menyokong tadi, tetapi ini tidak dapat dibuat. Jadi saya setuju dengan adanya *forest reserve* ini. Di sini memanglah kita mesti kaji dalam hutan yang segala-gala bahannya ada. Ada yang mengatakan ada badak sumbu, seladang dan sebagainya.

Saya pula hendak mengatakan pokok yang saya tahu pokok Salak Jambi. Ada berbagai pokok salak, pokok salak ini buahnya sedap tetapi di mana buah salak sekarang. Buah salak tidak ada lagi, cuma kita dapat di Indonesia sahaja. Ia manis dan sedap.

Lagi ada sejenis buah macam bertam, yang dikatakan buahnya boleh dijeruk, ianya manis. Ini pun sudah tidak ada lagi. Ada lagi satu iaitu akar yang dinamakan Tungkat Saidina Ali. Akar ini cukup baik untuk orang lelaki, dan pahitnya kalau akar itu diminum, 100 kali pahit daripada quinine, boleh menjadi ubat, khasiatnya adalah bagus betul untuk lelaki. Itu khasiatnya. Ini tunjangnya dan akarnya itu tidak ada cabang, dia terus betul, satu batang terus. Ini perkara yang sebenarnya, susahlah kita mencari pokok-pokok itu. Dengan sebab itu pokok-pokok seperti ini pun mesti dipelihara. Itu sebabnya ada rezab.

Tetapi apa yang dikatakan oleh saudara-saudara saya, saya akur, saya setuju, tetapi tiap-tiap negeri itu tidak boleh, macam apa yang dikatakan oleh Persatuan Pencinta Alam Semulajadi, mereka marah Kerajaan, gertak Kerajaan dan sebagainya fasal Endau/Rompin. Ini mereka mesti tahu, sebab tiap-tiap Negeri selain daripada Pulau Pinang, Melaka hendak tanah itu mestilah diluluskan oleh "The Ruler-in-Council". Bukan boleh ambil begitu sahaja. Raja mesti diketahui originnya mesti tahu usul asal negeri ini, jangan hendak berteriak begitu sahaja, bukan Kerajaan Negeri buta tuli, tidak, tetapi Persatuan itu berteriak huha-huha. Ini mestilah mereka itu tahu. Jadi sebelum diluluskan oleh Kerajaan Negeri, macam kata Ahli Yang

Berhormat iaitu hasil bijih, emas dan sebagainya, Kerajaan Negeri mesti buat boring dahulu. Sebab apa, kalau sudah jadi hak dia esok, memang dia tidak beri lagi tetapi sebelum itu, suruh dia boring, sama ada ada emas, ada bijih di dalam tanah itu. Ini mesti dibuat oleh Kerajaan Negeri. Besok kalau diminta balik kepada Menteri tak mungkin diluluskan, macam-macam ada perjanjiannya. Sebab apa, apabila Kuala Lumpur telah diserahkan oleh Kerajaan Negeri Selangor, kita tak boleh minta lagi, nanti buruk siku. Jadi dengan sebab itu sebelum Kerajaan Negeri meluluskan, umpamanya Endau/Rompin dalam kawasan itu mesti dicari gali dahulu. Bukanlah susah benar untuk mencarigali itu, berapa banyak benar belanjanya, kalau Kerajaan Negeri hendak buat. Jadi diasingkan mana yang ada bijih, diasingkan mana yang ada emas. Yang lain boleh dikeluarkan dan diberikan kepada Taman Negara. Itulah yang patut dibuat oleh Kerajaan Negeri oleh kerana, Tuan Yang di-Pertua, tanah itu ada yang dikatakan Federal Land dan ada yang dikatakan State Land.

Sebenarnya Federal Land memang tak wujud, kecuali wujudnya daripada permohonan Federal Government, minta kepada Kerajaan Negeri, hendak buat hospital, hendak buat klinik, hendak buat Customs House, hendak buat projek untuk Federal use. Ini menjadi Federal Land. Sebab Federal tidak mempunyai tanah melainkan sekarang baru ada iaitu setelah Kerajaan mempunyai tanah di Kuala Lumpur. Itu pun belum dibayar duitnya semua, gantirugi kepada Kerajaan Negeri Selangor.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Ungkitkah?

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Ini bukan ungkit, tetapi hendak duit, hendak menegakkan bandar baru di Shah Alam. Jadi dengan sebab itu, saya ingat ini akan menjadi Federal Land, oleh kerana Taman Negara akan menjadi Federal Land dan dikuasai oleh Federal. Maka dengan sebab itu Kerajaan membuat permohonan kepada Kerajaan Negeri, diadakan plan-plan yang tertentu, di mana dikehendaki, kemudian dipohonkan.

Kerajaan Negeri pula mestilah meluluskan dalam EXCO atau "The Ruler-in-Council", bukan boleh EXCO meluluskan begitu

sahaja, ini mesti ada satu polisi, mesti diluluskan oleh Legislative Council. Dalam Legislative Council yang diluluskan, mengatakan kita boleh beri, macam hari itu yang diluluskan oleh Legislative Council dan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Selepas itu baharu Kuala Lumpur menjadi hak Federal, kalau saya tak silap.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat boleh menyambung lagi. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.37 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.10 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

5.10 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung ucapan saya bagi menyokong Rang Undang-undang ini. Saya telah menyatakan tadi iaitu manusia adalah yang mempunyai otak dan fikiran yang waras tetapi manusia kadangkadang lebih kejam daripada binatang. Apa telah terjadi kepada binatang-binatang liar yang ada dalam forest reserve yang ada sekarang yang ada undang-undang melarang orang masuk dan ada pula masa yang boleh menembak burung-burung, menembak binatang-binatang itu. Tetapi oleh kekejaman manusia tadi maka manusia telah menyuluh malam (poaching), bukan sahaja menyuluh di pekan tetapi menyuluh malam di dalam hutan. Menyuluh malam di dalam hutan lebih senang membunuh binatang. Apabila kita gunakan torchlight kita suluh binatang itu kita nampak matanya, merah matanya. Binatang ini apabila disuluh dia tidak lari di dalam hutan dan ditembak kepalanya, dia pun mati. Baik harimau atau apa juga binatang.

Tuan Yang di-Pertua, negeri kita ini ada Game Wardennya tetapi Game Warden ini malam dia tidak pergi keluar, tidak pergi menjaga hutan, dia tidur nyenyak, bahkan lebih nyenyak daripada kita dia tidur. Jadi binatang liar dalam hutan ini, sungguhpun ada protection ini, kita buat Taman Negara, ada protection segala-segalanya, larangan

begitu begini, tetapi dalam forest reserve begitu juga, ada undang-undang tetapi binatang-binatang di hutan ditembak, berapa banyak telah mati yang kita tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua, di satu masa dahulu kita ada pergi bersama-sama ke Afrika iaitu semasa Commonwealth Parliamentary Conference di Malawi. Kita telah pergi ke Nairobi, Kenya. Bagaimana Kerajaan Kenya, tidak sampai setengah jam daripada Nairobi kita lihat di situ ada reserve. Binatang-binatang liar di sana hidup bebas, dijaga dengan rapi betul-betul. Seperti Yang Berhormat kata mesti dijaga rapi supaya jangan ada orang masuk. Memang ada. Ada orang yang menjaga betul-betul di dalam reserve itu. Kita hendak masuk pun dengan jeep, kita tidak boleh keluar daripada jeep itu, lihat boleh, tetapi tidak boleh keluar. Binatang-binatang liar banyak.

Di sini ada kemahnya, berkemah boleh, makan angin boleh inilah yang saya tidak mengerti. Tetapi hendak taruh harimau, hendak taruh gajah, hendak taruh ular, naga di dalam itu semua hendak taruh, hendak taruh lipan, kala, segala di dalam itu tetapi boleh pula berkemah di dalam itu. Inilah yang saya tidak mengerti sedikit. Harap Yang Berhormat boleh beri tahu saya apakah sebabnya, nanti dimakan oleh harimau mereka ini. Nanti malam-malam habis dimakan oleh harimau ini. Inilah yang saya keliru sedikit sebab boleh pula buat kemah, boleh pula bersiar-siar, berpicnic di dalam itu, pergi ke air terjun, tahu-tahu dibaham oleh harimau, habis. Inilah yang saya tidak mengerti.

Di Nairobi dipagar betul-betul, kalau kita hendak melihat daripada dalam jeep itu, kita ambil gambar, kita jalan terus untuk melihatnya. Ini yang kita lihat di Nairobi. Binatang hidup liar, bebas, dia hendak makan binatang lainpun makanlah, kita boleh nampak yang singa makan babi hutan dan ada satu binatang itu, saya tidak tahu nama binatang itu, dia mengikut pula di belakang singa ini untuk memakan lebih-lebih daging itu. Semua ini kita boleh lihat. Beginilah yang kita mahu, tak usahlah kita berkemah-kemah. Bila manusia dimakan oleh harimau, bagaimana? Adakah Kerajaan Federal bertanggungjawab di atas perkara ini nanti. Sebab itu kita mesti taruh signboard "merbahaya", semua kawasan itu merbahaya sahaja. Sebab kalau nanti dimakan oleh

harimau susah. Di kawasan ini gajah liar pun ada. Gajah ini kalau dia seekor, jangan rapat dengan gajah itu, gajah itu gajah ganas betul-betul, sebab itu kita takut kalau diletakkan gajah ganas ini habis manusia disongket oleh gading gajah itu dan sebagainya. Inilah saya hendak Yang Berhormat Menteri memberi tahu saya apakah sebab boleh berkemah-kemah, berpicnic dan sebagainya. Ini menjadi bahaya. Cuma kalau diadakan di Taman King George V, kita duduk di satu tempat, kita naik ke atas pokokkah, dibuat rumah di atas pokok yang tinggi-tinggi, kita buat teropong, ada teropong malam pula, boleh kita lihat. Siapkan teropong. Di Germany ada buat teropong, malam boleh lihat. Ini perkara betul, ini army pun ada pakai. Inilah kita letakkan teropong supaya boleh teropong malam, lihat harimau datang makan, sebab kita beri dia makan kita nampak dia. Letakkan pondok-pondok yang tinggi-tinggi di satu-satu kawasan di mana kita beri makanan kepada binatang-binatang liar tadi, itu bagus. Itu saya setuju tetapi kalau berkemah-kemah ini kurang tepatlah, sebab ini bukan tempat picnic.

Seperti kata Yang Berhormat sahabat saya, Datuk Haji Ahmad Arshad, buat pula hotel, motel yang berkerawang-kerawang, ini bukan di pantai hendak makan angin, ini hendak melihat binatang liar, susah nanti. Inilah saya minta Menteri yang berkenaan untuk difikirkan. Kalau ada undang-undang boleh berpicnic, orang berpicnic, orang buat kemah besok jangan dikatakan tidak boleh. Bila orang sudah dimakan harimau nanti, parah kita kemudiannya.

Selain daripada itu ialah gua-gua (caves), sebab gua-gua ini juga kalau hendak membuat research mengenai "the origin of Man" atau manusia di dalam Malaysia iaitu yang mula-mula sekali di Malaysia ini duduknya ialah di dalam gua-gua ini. Tahi-tahi kelawar yang ada di dalamnya dijual orang, jadi habislah benda-benda yang lama ini diambil oleh orang, dikorek orang. Ini adalah kerugian kepada negeri kita. Sebab di situ-lah duduknya asal usul Yang Berhormat semuanya, duduknya di situ-lah dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini mestilah kita siasat betul-betul dan mesti dilindungi baik pun Taman Negara ataupun gua-gua ini.

Di dalam Rang Undang-undang ini juga ada menyatakan iaitu Fasal 3:

- “3. (1) Pihakberkuasa Negeri boleh di atas permintaan Menteri merezabkan mana-mana tanah Negeri dalam kawasan Negeri itu (termasuk mana-mana kawasan laut) . . . ,”

Kawasan laut ini saya berkehendakkan pantai juga termasuk kawasan laut, sebab pantai dengan laut, lain. Saya tidak tahulah kalau ada orang mengatakan pantai itu laut, laut itu pantai, tetapi kepada saya laut itu laut; pantai itu pantai (*Ketawa*). Tuan Yang di-Pertua, sebab apa saya katakan begitu, kerana di pantai inilah naiknya penyu-penyu bertelur. Tuan Yang di-Pertua, tahu bagaimana dia bertelur, sudah tengok? (*Ketawa*) Sudah? Apabila naik hendak bertelur dia gali lubang, dia pun bertelur; menangis dia itu bertelur, susah dia hendak bertelur (*Ketawa*). Kalau ayam dia berketak selepas bertelur tetapi penyu-penyu itu bertelur dia menagis, menitik-nitik air matanya. Cuba kita tengok, begitu susah dia tetapi ada orang kuda atas kawan itu, duduk dan sebagainya. Manusia apa ini? Itu Yang Berhormat kata betul-betul inilah sebabnya orang kita belum tahu lagi bagaimana azabnya binatang-binatang yang hidup.

Tuan Yang di-Pertua, dari mana datangnya penyu-penyu ini. Datangnya bukan di kawasan-kawasan pantai Pahang, Trengganu ataupun Kelantan, tetapi jauh dari lautan yang sedalam-dalamnya di Pasifik. Itulah dayungnya, di dayungnya beberapa bulan, beberapa hari hendak pergi ke pantai di Pahang, di Trengganu ataupun di mana-mana pantai negeri kita. Inilah yang kita mesti jaga macam mana susahnya binatang ini. Bukan dia laju sangat peringnya. Ini yang kita mesti fikir. Pantai ini mestilah dikawat ataupun dipagar supaya pada waktu penyu ini bertelur, telurnya tidak dicuri orang. Sebab penyu sudah susah-susah bertelur dia pandai dan berakal juga macam manusia dikorek sana, korek sini supaya jangan manusia ganggu dan ambil telurnya. Orang-orang yang mengambil akan menjual telur itu. Jadi dengan sebab itu dikorek dan ditimbuskan baik-baik. Itu pun ada manusia pakai besi, cukuk; dan tahu juga akhirnya di mana telur penyu itu, lalu diambil dan dijual di pasar-pasar. Bukan saya menyatakan menutup mata pencarian

orang, tidak, tetapi ada tempat-tempatnya, jangan semua tempat itu. Di satu atau dua kawasan sahaja yang direzabkan. Saya minta Yang Berhormat Menteri dapat merezabkan pantai-pantai termasuk laut juga. Laut itu bermakna pantai juga, ditaruh bracket di mana-mana, iaitu laut termasuklah pantai. Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak tegur sedikit berkenaan tanah iaitu sebelum Kerajaan Negeri itu meluluskan hendaklah Kerajaan Negeri itu mencarigali dulu, iaitu “boring” di kawasan itu kemudian baru serahkan setelah tidak ada apa-apa bahan galian lagi. Jadi kita tidak bertanggungjawab lagi. Begitulah mesti dibuat supaya kejadian-kejadian ini jangan berlaku sesudah dikuatkuasakan.

Di dalam muka surat 10, Seksyen 11 (1) (i):

“(i) fee bagi pengeluaran permit

x x x x x x x x x x x x x x”.

Apa yang sebenarnya “fee” ini? Tidak adakah perkataan dalam Bahasa Malaysia yang hendak dipakai menggantikan perkataan “fee” ini? Saya pun tidak tahu bahasanya, apa bahasa yang digunakan. Jadi saya ingat dan saya agak-agak sahaja, Tuan Yang di-Pertua, “fee” ini pembayaran barangkali, betul? Saya rasa ada perkataan dalam Bahasa Kebangsaannya, bukannya technical word dan bahasanya bukan tinggi sangat sehinggakan tidak boleh diterjemahkan. Maksud di sini pembayaran jadi gunakanlah perkataan “pembayaran” itu jangan digunakan “fee” di situ. Jadi saya mintalah kepada Yang Berhormat Menteri menengokkan pada masa yang akan datang bahasa ini disemak sebelum dicetak digunakan Bahasa Kebangsaan daripada digunakan bahasa Inggeris.

Selain daripada itu, kita selalu bertanya di dalam Dewan. Apa yang kita bertanya di dalam Dewan selalu berkenaan dengan manusia. Kita tahu di Kuala Lumpur penuh sesak dengan manusia yang duduk bersejajaran. Saya bercakap ini ada kaitannya dengan sekarang ini, apa sebabnya Kerajaan minta rezabkan kawasan ini? Minta kepada Kerajaan Negeri oleh kerana binatang-binatang akan pupus jikalau tidak dilindungi oleh kita sendiri terutama sekali oleh Kerajaan yang bertanggungjawab sebab itu pada hari ini kita akan luluskan Rang Undang-undang ini. Saya hairanlah apabila kita bertanya Menteri yang bertanggungjawab terutama sekali Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebab sesaknya Kuala Lumpur

ini akibat penduduk-penduduk setinggian yang datang dari luar bandar mencari kerja dan setelah dapat kerja timbul masalah di mana hendak duduk, rumahnya tidak ada dan macam-macam lagi tidak ada. Kita bertanya apa sebabnya Kerajaan Pusat ataupun Kementerian yang bertanggungjawab tidak minta kawasan-kawasan di tepi pekan itu direzabkan ataupun dibeli oleh Kerajaan Pusat bukan untuk binatang-binatang ini sahaja bahkan untuk manusia. Sebaliknya dijawab oleh Menteri tidak boleh oleh sebab ini adalah kuasa Kerajaan Negeri. Itu sahaja yang dijawab. Ini boleh pula. Kenapa manusia yang begini banyak di Kuala Lumpur yang dikatakan 300,000 bersestingan dikatakan tidak boleh pula, senang-senang dijawab ini tanggungjawab Kerajaan Negeri (State affair). Inilah yang saya pelek. Kalau ini boleh diluluskan bermakna Kerajaan juga memikirkan ini untuk public purpose untuk mengadakan Taman Negara, ini juga mempunyai tujuan yang serupa untuk mengadakan rumah-rumah murah untuk orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, ini saya harap akan mendapat perhatian daripada Kementerian yang bertanggungjawab. Memang boleh! Kalau tidak begitu, kawasan rezab untuk tahun-tahun ini kalau kita tidak buat begitu nanti habis ditebang orang hingga lapang sebab pembangunan akan terus berjalan. Sebab itu sekarang kita mesti ambil tindakan. Begitu juga kalau tidak direzabkan kawasan-kawasan oleh Kerajaan untuk orang miskin yang bergaji murah seperti setinggian dan sebagainya jangan harap Kerajaan boleh membeli tanah itu nanti. Tanah itu akan dibeli oleh pemodal-pemodal untuk membuat rumah-rumah besar; di mana orang-orang yang miskin akan duduk. Kalau kita fikir kepada haiwan, kepada binatang, kita juga mesti fikirkan kepada orang-orang miskin yang hidup melarat ini. Sebab dasar Kerajaan terutama sekali ialah untuk membasmi kemiskinan. Saya bercakap ini tidak terkeluar daripada batasan oleh kerana saya hendak membezakan sahaja haiwan dengan manusia.

Tuan Yang di-Pertua, apa sebabnya negeri-negeri Vietnam, Kampuchea, Afghanistan dan Iran memberontak? Apa sebabnya rakyat Iran menentang Shah? Apa sebabnya orang-orang Vietnam dahulu masuk ke selatan? Amerika dengan tank dan senjata modennya

tetapi dengan semangat orang Vietnam—bukan saya memuji Vietnam Komunis, tidak tetapi oleh kerana kemiskinan biarlah mereka mati daripada lapar tidak makan, dengan semangat mereka telah menghadapi senjata-senjata daripada Amerika dan Amerika cabut lari daripada Vietnam. Inilah yang kita hendak membasmi kemiskinan, sama juga kita hendak memelihara binatang di dalam hutan. Adakah kita fikir dia ini lebih kurang daripada binatang, biarlah dia bekerja di kilang oleh kerana dia datang ke bandar, biarlah apa jadi. Biarlah 100 tahun lagi baharu kita boleh tempatkan mereka itu di dalam flat-flat. Macam mana yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri tadi 100 tahun lagi—lebih daripada cucu-cicit baharulah mereka merasa duduk di flat-flat ini. Kerajaan kita mengatakan hendak membasmi kemiskinan dan saya seorang daripadanya dalam Barisan Nasional yang telah mengemukakan perkara ini supaya kita membasmi kemiskinan dengan secepat mungkin untuk semua rakyat dalam negeri ini. Sudah berapa kali dikatakan dahulu begini dan begitu.

Saya menyokong Rang Undang-undang ini untuk mendapatkan rezab taman-taman supaya boleh kekal hidup binatang-binatang liar dalam negeri kita. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu ulang apa yang telah dikatakan oleh rakan-rakan saya oleh kerana membuang masa sahaja, maka saya di sini cuma minta kepada Kerajaan iaitu apabila Rang Undang-undang ini berjalan maka apa yang ada dalam Rang Undang-undang ini mestilah dijalankan dengan sebenar-benarnya. Oleh kerana banyak Rang Undang-undang yang telah diluluskan di sini; ada yang kita tentang tetapi diluluskan juga di sini tetapi tidak berjalan. Kita tegur di sini—tidak makan tegur.

Pada satu masa dahulu saya telah mengatakan jangan buat undang-undang yang diperuntukkan iaitu sebelum pukul 10.00 pagi motokar-motokar mesti ada sekurang-kurangnya 4 orang di dalamnya baharu boleh masuk. Kalau kurang daripada itu mestilah dikenakan bayaran. Saya telah mengatakan kita tidak boleh buat begitu, nanti dahulu, fikir dahulu tetapi Kementerian jalankan juga. Kerajaan telah rugi bermelion ringgit. Cuba Tuan Yang di-Pertua tengok besi-besi yang ditegakkan di sana sini di dalam bandar sekarang, apa hendak dibuat, tegak begitu sahaja; undang-undang tidak boleh berjalan.

Inilah yang dikatakan Rang Undang-undang diluluskan di sini kemudian tidak berjalan. Jadi, kalau kita hendak tegas, biarlah kita tegas betul-betul. Kami semua di Dewan Negara ini memang bersetuju sangat Rang Undang-undang ini disokong supaya dapat diluluskan dengan seberapa segera.

Sekianlah sahaja dan saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua oleh kerana telah memberi saya masa untuk bercakap di dalam Dewan ini.

5.36 ptg.

Dato' Sulaiman Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih. Saya juga suka mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Taman Negara, 1979.

Terlebih dahulu, saya menyokong kuat atas Rang Undang-undang Taman Negara yang dibentangkan sekarang ini kerana saya ingat ini adalah sangat-sangat memberi faedah yang besar kepada negara kita. Dalam pada itu saya suka juga bercakap beberapa perkara yang difikirkan mustahak.

Yang pertama sekali saya sangat-sangat bersetuju kalau Rang Undang-undang ini boleh dapat meliputi ke semua negeri dalam tanahair kita. Walaupun ada juga negeri-negeri dalam tanahair kita seperti Kelantan, Pahang yang telah ada undang-undang itu supaya dapat sepatutnya disatukan, sesuaikan jadi satu undang-undang sahaja, tidak ada berlainan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Rang Undang-undang ini sangat-sangat baik kerana bukan sahaja manusia yang duduk di muka bumi ini bahkan juga binatang dan juga tumbuh-tumbuhan. Walaupun lambat Rang Undang-undang ini dibawa ke Dewan ini, perkara ini sangat mustahak sekali bagi negeri kita ini dan kalau tidak lekas diambil tindakan untuk adakan Taman Negara saya fikir ini generasi yang akan datang tidak dapat memandang keindahan alam bagaimana yang telah kita saksikan pada hari ini. Dan juga boleh jadi kita tidak dapat lagi melihat binatang-binatang dan tumbuh-tumbuhan yang cukup menarik, bagus yang langkah Kerajaan untuk mengadakan ada di tanahair kita pada hari ini. Jadi Undang-undang Taman Negara ini adalah sangat-sangat baik. Maka saya berharap

dengan adanya Undang-undang ini dan adanya kawasan dijadikan Taman Negara pihak Kerajaan dapatlah membelanjakan wang walaupun berapa besar sekali pun ini tidak mengapa supaya dapat mengembalikan apa yang telah pupus daripada pandangan kita dan apa yang telah kita dapat menikmati selama ini.

Umpamanya, berapa banyak binatang-binatang yang terdapat di negeri kita sekarang ini sudah tidak dapat dilihat lagi oleh sebab ini semuanya perbuatan manusia, menembak, membunuh dan sebagainya dengan tidak mengikut aturan, demikian juga pokok-pokok buah-buahan dan buah-buahan yang kebanyakan kita makan pada hari ini. Saya berani bercakap begini kerana saya ada pengalaman di Johor, saya ada satu kawasan diberi oleh Kerajaan mengerjakan kawasan kayu-balak ini seluas 20,000 ekar, boleh dikatakan tiap-tiap bulan saya masuk ke dalam hutan dan kita tahu yang buah-buahan durian, manggis, rambutan, langsung, buah salak yang asalnya datang daripada hutan rimba dan buah-buahan ini lebih sedap, lebih baik, lebih manis dan lebih bagus daripada buah-buahan yang ditanam di luar yang dikahwinkan dan sebagainya. Kalau kawasan yang semacam ini, Taman Negara ini telah diadakan, saya berharap Menteri yang berkenaan dapat mengembalikan balik benda itu, bukan sahaja binatang-binatang bahkan tumbuh-tumbuhan juga.

Binatang-binatang yang telah hapus itu dapat dicari lagi sekarang ini, kalau tidak ada di negeri kita, di Indonesia atau di mana pun di kawasan sebelah Asia ini kita beli atau kita minta dan sebagainya bawa balik dan masukkan dalam kawasan ini, mudah-mudahan dapat biak balik semula, ini sangat-sangat mustahak.

Sebagaimana kata Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik, demikian juga saya sudah tengok sendiri dengan mata kepala saya di Afrika, di Amerika dan juga di Indonesia tidak usah kita ambil yang jauh barangkali susah kita hendak pergi, kita boleh pergi ke Indonesia, sampai Jakarta kalau kita naik motorbot cuma lebih kurang satu jam, kita jumpa satu pulau, dipanggil Pulau Perhentian keana banyak jumpa burung-burung—pelik. Kalau siapa tidak menengok barangkali kalau saya cakap dia tidak percaya, beribu-ribu burung-burung yang di sekitar kawasan

Tanah Jawa itu singgah ke pulau ini. Kita boleh tengok bermacam-macam jenis burung yang kita tidak boleh tengok ada di situ, dipelihara dengan baik oleh Kerajaan. Kita berharap juga pada satu hari negeri kita ini pun dapat seumpama itu.

Lagi satu perkara yang mustahak di sini saya tengok dalam negeri kita ini akan hapus ialah buaya. Buaya ini dahulu betul selalu menangkap orang di sana-sini, orang makan buaya, terbalik, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun pelik. Saya pergi ke Thailand dengan kawan saya hampir 10-15 orang. Sampai di Thailand mereka order buaya hendak makan buaya, barulah saya tahu yang dahulu buaya makan orang tetapi sekarang orang makan buaya, ini sebab buaya habis. Jadi Menteri yang berkenaan saya harap dalam Taman Negara ini ada sungai-sungai yang besar, tasek yang besar dan sebagainya ini kawasan larangan, kita memang melarang orang masuk, saya harap dapat dibawa balik buaya-buaya dan biawak-biawak yang ada itu kita pelihara balik. Ini sangat baik untuk generasi yang akan datang.

Satu perkara lagi saya suka bercakap di sini saya tengok di Amerika, satu kawasan Taman Negaranya, bukan sahaja memelihara binatang liar yang besar bahkan diadankannya tasek itu kita boleh pergi melawat tetapi dipelihara ular-ular, jengking dan sebagainya yang kecil-kecil dan merayap, inipun merayap, inipun menarik perhatian saya. Saya berharap kita di sini sekarang banyak lagi ular-ular ada, ini dapat Menteri yang berkenaan menimbangkan supaya perkara ini dapat Menteri yang berkenaan menimbangkan supaya perkara ini juga dapat diadakan.

Lagi satu perkara yang sangat baik adanya Taman Negara ini, barangkali kalau saya cakap ada setengah orang tidak percaya, tetapi yang tidak percaya itu dia cuba, insya Allah, dia akan mengiakan cakap saya. Tuan Yang di-Pertua, siapa-siapa juga yang runsing fikirannya, yang hendak boleh jadi gila dan sebagainya, terlampau banyak kerja, kalau hendak pergi jauh-jauh barangkali susah sangat, pergi masuk dalam hutan. Pergi masuk dalam hutan satu-dua jam diri kita sunyi di sana, mendengarkan burung-burung dan binatang-binatang lain berbunyi fikiran kita cukup tenang terutama sekali saya syorkan orang-orang politik yang kepalanya berselirat itu lebih baik dia cari hutan, dia masuk

ke sana dapat tenang sedikit fikirannya. Perkara ini saya cakap ialah perkara yang benar, kalau tidak percaya boleh cuba.

Lagi satu perkara dalam Rang Undang-undang ini saya ada beberapa perkara yang saya tak bersetuju. Saya harap Menteri yang berkenaan tolong mengambil ingatan, oleh sebab sudah dimasukkan di sini jadi Rang Undang-undang akan kita luluskan, kalau ini tidak dicegah mengikut Rang Undang-undang ini jalan terus lebih baik jangan adakan Taman Negara, umpamanya, dibenarkan melombong dalam kawasan ini. Kalau sudah ada melombong dalam kawasan ini, kuli masuk beratus-ratus, bising di sana, memasak, buat rumah dan bertukang, banyak binatang yang masuk dalam kawasan itupun habis cabut keluar. Saya hairan bagaimana boleh dimasukkan di sini—hairan, lebih-lebih lagi saya hairan dalam muka surat 9, iaitu Perkara 11 :

“11 (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang tidak berlawanan dengan Akta ini berhubung dengan mana-mana atau semua daripada perkara-perkara yang berikut, iaitu—

(a) penutupan kawasan-kawasan tertentu dalam sesuatu Taman Negara dari orang awam;”

Ini tak apa, ini ada pula yang boleh benarkan hendak buat hotel, motel, lapangan terbang dan sebagainya. Kalau semua ini ada saya tak tahulah, sebab tujuan asalnya memang baik tetapi perlaksanaannya nanti kalau begini ada kurang baik, tetapi saya berpuas hati fasal pada penghujungnya, saya pegang kepada situ, kalau Menteri ini boleh dapat pegang kepada ini, muka 11 :

“11 (2) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang berlainan di bawah seksyen-kecil (1) berkenaan dengan Taman-taman Negara yang berlainan.”

Barangkali dia boleh buat aturan dan peraturan itu yang boleh mengetatkan, yang boleh menahan cara mana orang-orang menceroboh masuk ke dalam Taman ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dalam Taman Negara ini dibenarkan orang berleluasa masuk dengan tidak ada sekatan yang patut diadakan, tujuan Taman Negara ini akan gagal. Saya memang bersetuju dalam Taman Negara ini kita ada sungai, tasek, jalan, kalau

sudah diadakan tempat perumahan, itu memang ada, di luar negeri pun ada, tetapi dibuat oleh Kerajaan tempat-tempat tertentu. Jalan, diadakan jalan yang tertentu oleh Kerajaan dan kenaikan yang tertentu. Kalau dibenarkan semua kereta dan sebagainya masuk, tujuan dan hasrat Kerajaan yang baik ini akan tidak berjaya. Jadi, saya tidak hendak bercakap hal yang lain-lain, saya mengambil perkara-perkara yang tidak ada dicakapkan oleh sahabat-sahabat saya. Saya menyokong kuat atas Rang Undang-undang ini dan saya berharap benar kejayaan dan kebaikan untuk Taman Negara bagi negara kita.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Abdul Razak.

5.52 ptg.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersama-sama untuk mengambil bahagian membahaskan dan meluluskan Rang Undang-undang Taman Negara 1979 yang mana telah dibahaskan semalam sehingga ke hari ini yang saya rasa apa yang hendak saya sebut pun telah dibahaskan semalam sehingga ke hari ini yang saya rasa apa yang hendak saya sebut pun telah banyak disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Hanya ada sedikit sahaja, terutama dalam Rang Undang-undang ini saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Kerajaan, khasnya kepada Kementerian yang berkenaan berhubung dengan naskah sahihnya dalam Bahasa Malaysia ini yang mana kita baca keseluruhannya telah diterjemahkan ke Bahasa Malaysia yang boleh difahami.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita membahaskan Rang Undang-undang ini juga ayat-ayat dan terjemahan-terjemahan bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia, pagi tadi saya terbaca dalam suratkhbar *Utusan Malaysia* mengenai satu tuntutan mahkamah—tidak usahlah saya baca sebab ini tidak perlu dibawa ke dalam Dewan ini, hanya saya berkehendakkan pembedaan yang mana pada dua hari yang lepas kita telah meluluskan satu Rang Undang-undang iaitu Akta untuk meminda Akta Timbangtara 1952.

Timbangtara yang dikatakan dalam *Utusan Malaysia* telah diterjemahkan yang bahasa Inggerisnya “arbitration”, diterjemahkan jadi “pengantara”, yang ejaannya P-e-n-g-a-n-t-a-r-a tetapi yang kita luluskan di sini ialah Timbangtara. Di sini telah bercanggah dan ini satu kecemaran bahasa yang mana kita dalam Parlimen ini mendaulatkan bahasa yang begitu baik yang kita hendak luluskan dalam Rang Undang-undang kita ini yang mana rasa saya kalau hendak diubah dan sebagainya, Ahli Parlimen inilah yang hendak mengubahnya sendiri, tetapi dalam suratkhbar *Utusan Malaysia* yang saya katakan tadi Rang Undang-undang yang kita luluskan Timbangtara tetapi dalam suratkhbar disebut “pengantara”. Ini saya berharap jikalau sekiranya pihak yang berkenaan ataupun mahkamah dan sebagainya, mana yang telah kita luluskan dalam bahasa itu ikutlah apa yang telah diterjemahkan, jangan diterjemahkan ke lain pula.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan tahniah sebagaimana yang telah diterangkan dan diucapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi iaitu tujuan Rang Undang-undang ini. Izinkan saya membaca Fasal 4 Rang Undang-undang ini yang mana Yang Berhormat Menteri semalam pun telah menerangkan berhubung dengan Tujuan Penubuhan Taman-taman Negara.

Fasal 4 mengatakan:

“4. Tujuan penubuhan Taman-taman Negara ialah untuk memelihara dan memperlindungi hidupan liar, hidupan tumbuhan dan benda-benda yang mempunyai kepentingan dari segi kajibumi, kaitpurba, sejarah dan ethnologi dan lain-lain kepentingan dari segi sains dan pemandangan, dan melalui pemeliharaan dan penggunaannya untuk memajukan pendidikan, kesihatan, nilai estetik dan rekreasi orangramai”.

Jadi, dengan ini Tuan Yang di-Pertua, memang eloklah apa yang kami harapkan supaya Taman Negara ini dapat wujud sebagaimana tujuannya, dapatlah hutan-hutan yang diteroka sekarang ini yang mana kita harap hutan-hutan ini dapat disimpan dengan baik dan juga binatang-binatang liar dapat dipelihara yang mana kita tidak mahu hanya nama sahaja binatang

itu atau pokok-pokok itu ada, tetapi kita tidak dapat tunjukkan kepada generasi-generasi kita yang akan datang.

Jikalau sekiranya undang-undang ini tidak dibuat, hutan-hutan habis ditebang, umpamanya, pokok-pokok enau, pokok nipah dan sebagainya yang mana pokok enau ini rasa saya dalam perbidalan orang-orang Melayu memang selalu digunakan. Umpama enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing.

Kalau anak-anak kita sekarang kita hendak tunjukkan apa itu pokok enau, kita tidak dapat hendak tunjukkan sekarang, terpaksa pergi ke dalam hutan-hutan yang begitu jauh kerana pokok-pokok yang seumpama itu tidak kita pelihara. Begitu juga buluh perindu, umpamanya, ada di Melaka tetapi sekarang ini tidak dipelihara lagi. Dahulu buluh perindu ini orang mengatakan, suaranya macam buluh perindu, tetapi kita tidak tahu macam mana rupa buluh perindu.

Umpamanya pokok kandis. Pokok kandis itu dahulunya orang-orang kampung mengatakan kalau anak dara ataupun orang yang begitu lawa, mukanya merah, bibirnya merah, orang buat bidalan: anak dara si polan itu macam kandis dibelah dua. Begitulah yang dapat dibuatkan satu bidalan. Begitu juga nibung dan sebagainya, banyak lagi, sebagaimana yang telah diterangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, umpamanya, binatang-binatang dan seterusnya yang mana sekarang ini habis pupus. Oleh itu, dengan adanya Rang Undang-undang ini dapatlah pihak Kerajaan-kerajaan Pusat dan Negeri memelihara keindahan alam yang semulajadi ini yang mana Yang Berhormat Menteri mengatakan semalam lebih kurang 50% lagi kawasan kita ini masih ada tetapi dalam masalah ini kalau kita tidak jaga akan terjadi kita tidak dapat lagi melihat keindahan alam.

Di samping itu kita harus juga di dalam Rang Undang-undang ini rasa saya tidak pun disebut tetapi dengan adanya Rang Undang-undang ini saya rasa kita pun dapat mengatasi masalah-masalah yang timbul sekarang ini, umpamanya, bekalan air dan sebagainya.

Dahulu kita tidak pernah mendengar di sawah-sawah kekurangan air, di takungan-takungan air minum kita pun kekurangan kerana pada masa itu bukit-bukau masih

banyak, air masih bertakung begitu banyak, kalau tidak ada hujan sebulan atau dua bulan pun kita masih banyak dapat air lagi untuk sawah-sawah padi di kampung, tetapi sekarang sungguhpun ada sains dan teknologi yang dibuat oleh Kerajaan dengan adanya itu, ini dan sebagainya masih juga kita tidak dapat air, malah lebih dahsyat lagi kerana tempat-tempat takungan air ataupun hutan bukau tidak ada lagi telah habis ditebang dan dipupuskan, takungan-takungan air tidak ada. Ini akan menjadikan kekeringan. Dengan adanya keadaan ini mudah-mudahan kita akan dapat, umpamanya, Klang Gates di Kuala Lumpur ini dapat menahankan air, akan dapat menangkang air kerana sekarang pun kita tengok di Genting Highlands sendiri iaitu bukit yang begitu banyak dan baik dahulunya tetapi sekarang telahpun dijadikan tempat pelancungan, casino dan sebagainya. Inilah pemandangan-pemandangan binatang-binatang dan sebagainya tidak terdapat lagi.

Dalam Rang Undang-undang ini ada mengatakan sebagaimana Ahli Yang Berhormat tadi ada mengatakan di bawah Seksyen 9 muka 7, yang mana boleh diadakan pembinaan jalanraya, lapanganterbang kecil dan sebagainya. Saya juga bersetuju dengan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, binatang-binatang itu namanya-pun binatang-liar, jikalau kita buat lapangan-terbang dalam hutan, binatang-binatang itu tak mahu dekat lagi kepada kita, mungkin lari semakin jauh. Oleh itu dengan keadaan ini saya tak tahu mengapa hendak dibuat hotel pula. Umpamanya, cadangan Ahli Yang Berhormat tadi, hati yang rusing boleh masuk hutan jumpa harimau, tetapi dalam keadaan ini saya tak setuju. Bukan kita hendak jumpa harimau, kemungkinan harimau jumpa kita, habis kita dibaham oleh harimau. Sungguhpun undang-undang ini telah dibuat dengan baik, tetapi ada juga kelemahannya dan perlu diperbaiki dengan adanya fasal-fasal yang mengatakan ini boleh, ini tak boleh dan sebagainya.

Selain daripada tu, Tuan Yang di-Pertua, di bawah Seksyen 5 (1) dan juga Seksyen 7 (1) berhubung dengan perlantikan Ahli Jawatankuasa yang telah dipersetujui oleh Menteri, penubuhan Majlis Penasihat Taman Negara dan juga penubuhan Jawatankuasa Taman Negara. Di sini dinyatakan Ahli-ahli yang dilantik termasuk Setiausaha Kerajaan tiap-tiap Negeri dan seterusnya wakil-wakil

jabatan berkenaan. Saya rasa tujuan penubuhan Taman Negara di bawah Seksyen 4 yang mengatakan iaitu untuk kepentingan kajibumi, kajipurba, sejarah dan sebagainya. Saya rasa dalam soal ini patut juga tiap-tiap negeri dimasukkan Ahli-ahli Jawatankuasa itu yang terdiri daripada Pengarah-pengarah Zoo Negeri ataupun Taman Binatang Negara kerana mereka ini juga ada terlibat dalam Rang Undang-undang ini dan tentu mereka ini juga dapat memberi nasihat dan sebagainya kepada Jawatankuasa yang dinyatakan oleh Menteri dalam Rang Undang-undang ini.

Berbalik saya kepada projek perumahan iaitu hutan-hutan sekarang habis kerana telah dibakar dan dibuat projek perumahan. Begitu juga saya ingin menarik perhatian sedikit mengenai Zoo Negara yang pada masa sekarang ini terancam oleh projek perumahan, saya rasa dahulunya begitu elok, sunyi, udara nyaman kedudukannya jauh daripada bandar Kuala Lumpur, tetapi sekarang boleh dikatakan terletak dalam pekan juga. Apa yang menjadi masalah ialah pencemaran kerana binatang-binatang yang ada dipelihara dalam zoo itu tidak tenteram lagi kehidupannya dan banyak yang mati akibat pencemaran sekeliling zoo itu oleh projek perumahan sehingga unta di situ sudah kelabu oleh debu-debu projek perumahan. Ini rasa saya sepatutnya sejak dahulu lagi kita jaga kawasan-kawasan itu supaya sekitarnya jangan diadakan projek perumahan yang mencemarkan keadaan dan suasana di sekeliling Zoo Negara itu. Begitu juga saya harap kepada pihak yang berkenaan supaya Taman Negara ataupun zoo di tiap-tiap negeri supaya diasingkan, kalau telah disediakan tempat yang begitu baik, jauh daripada pekan dan sebagainya jangan dibenarkan orang-orang mendirikan projek perumahan dan sebagainya.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun ada banyak yang saya catitkan di sini, tetapi oleh kerana Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telahpun membangkitkan soal-soal ini. Oleh itu dengan ini juga saya bersamasamalah dengan rakan-rakan saya di Dewan yang mulia ini menyokong kuat Rang Undang-undang yang telah dibentangkan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad.

6.04 ptg.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangkit menyokong pada asasnya Undang-undang ini dan saya tidaklah hendak bercakap memuji-muji Taman Negara kerana terdahulu daripada saya ini banyak di antara Ahli-ahli Dewan ini telah pun memuji, bercerita dan bercakap penubuhan Taman Negara ini. Apa yang saya hendak bangkitkan dalam Dewan ini hanyalah berhubung dengan Undang-undang yang ada di hadapan kita sekarang ini di dalam beberapa fasal sahaja kerana menjaga masa, haruslah saya tak boleh bercakap panjang.

Sebagaimana yang diterangkan di sini undang-undang ini adalah satu undang-undang baru, Undang-undang Taman Negara yang baru iaitu tidak termasuk Taman Negara yang ada sekarang ini yang dikenal dengan nama Taman Negara atau King George V National Park yang ada di antara tiga buah negeri, Pahang, Kelantan dan Trengganu bagi Semenanjung Malaysia dan tidak juga termasuk Sabah dan Sarawak.

Tujuan undang-undang ini untuk membuat Taman Negara yang baru. Barangkali pandangan Kerajaan kita pada masa yang akan datang banyak lagi Taman Negara hendak diadakan di Malaysia ini, sebab itulah terlebih dahulu diadakan di Malaysia ini, sebab itulah terlebih dahulu diadakan undang-undang tetapi sebagaimana yang diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat yang terdahulu dari saya di dalam undang-undang ini adalah berlainan daripada undang-undang yang dibuat terdahulu daripadanya, iaitu undang-undang ini dibuat dengan memberi kuasa yang penuh kepada seorang Menteri sahaja, Menteri yang berkenaan.

Barangkali pada pendapat saya di dalam Rang Undang-undang ini begitu samar-samar diadakan dengan sebab hendak memujuk Kerajaan-kerajaan Negeri kerana di dalam undang-undang ini ada menyatakan Taman Negara ini akan diadakan hanyalah kalau sekiranya dipersetujui oleh Negeri-negeri sebagaimana yang kita tahu tanah itu adalah kepunyaan Negeri-negeri. Jadi kalau sekiranya Negeri itu tidak memberikan tanahnya maka Taman Negara tidak akan wujud.

Bagi saya, kalau sekiranya macam ini lebih baiklah oleh kerana Taman Negara sudah ada sekarang ini di Semenanjung Malaysia, boleh jadi juga di Sarawak dan Sabah maka patutlah Taman Negara yang hendak diadakan itu dijadikan Taman Negeri sahaja iaitu memberi kuasa kepada Kerajaan-kerajaan Negeri menubuhkan Taman Negara dengan kerjasama Kerajaan Pusat sebagaimana yang diluluskan kepada Muzium Negara, kerana Negeri-negeri mengadakan muziumnya sendiri. Ini lebih dan tidak bercanggah. Kalau dengan cara undang-undang yang ada sekarang ini mereka kelak akan bercanggah juga dengan sebab Negeri mempunyai kuasa berkenaan dengan tanah dan kalau sekiranya hendak diadakan Taman Negara, Menteri itu akan minta daripada Kerajaan Negeri tanah tersebut, Kerajaan Negeri tidak terpaksa memberikan, terpujalah kepada Kerajaan Negeri itu sama ada hendak memberikan tanah itu ataupun tidak. Kalau diberi maka barulah tanah itu akan dijadikan sebahagian daripada Taman Negara. Apakala Kerajaan Negeri memberikan tanah itu menjadi sebahagian daripada Taman Negara maka Kerajaan Negeri itu akan terluat kuasanya daripada tanah yang diberikan itu, maka sudah tentulah Kerajaan Negeri sebelum daripada memberikan tanah itu akan berfikir dan akan membuat perkiraan sampai 10 kali.

Misalnya, Kerajaan Trengganu sudahpun memberikan sebahagian daripada tanahnya kepada Taman Negara kita yang terkenal dengan nama National Park ataupun King George V National Park itu. Jadi kalau diminta pula sebagaimana yang kita dengar suara-suara dalam Dewan ini mengatakan seumpama di Pulau Perhentian, Trengganu ada penuh dengan barang-barang laut yang masih dara lagi yang menjadi tempat tumpuan kepada pelancung-pelancung dari luar yang pergi menyiasat bunga-bunga karang dan sebagainya.

Misalnya kawasan ini diminta oleh Menteri yang berkenaan hendak dijadikan sebahagian daripada Taman Negara, maka Kerajaan Trengganu tentulah memikirkan sampai 10 kali, adakah patut Pulau Perhentian itu diserahkan kepada Taman Negara. Kalau diserahkan kepada Taman Negara maknanya terlucutlah haknya daripada menguasai pulau itu. Barangkali di dalam pulau itu selain daripada

mutiara yang ada di sekelilingnya selain daripada bunga-bunga karang yang ada itu, boleh jadi di dalam Pulau itu pula ada lombong intan berlian, dia akan memikir. Jadi tentu dia tidak hendak beri. Akhirnya apa akan jadi kepada Menteri ini, pergi ke sebuah negeri minta, seperti mana kita dengar cerita pada akhir zaman (hari kiamat) itu pergilah umat-umat dari seorang Nabi ke seorang Nabi minta syafaat.

Begitulah Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan pergi dari sebuah negeri ke sebuah negeri minta sebahagian daripada tanahnya tetapi tidak diluluskan; pergi pula ke negeri Pahang, negeri Pahang kata sudah beri; pergi ke negeri Kelantan begitu juga jawabannya; pergi ke negeri Kedah, negeri Kedah kata ia berhajat hendak membuka ladang-ladang tebu lebih banyak lagi kerana di negeri Kedah sahaja yang sesuai ditanam tebu; pergi ke Negeri Sembilan, Negeri Sembilan kata banyak mana lagi yang tinggal hutan rimba di negerinya. Jadi dengan keadaan ini, saya takut dan bimbang, undang-undang ini molek di kertas sahaja, akhirnya tidak dapat terlaksana. Walau bagaimanapun, sebagaimana dikatakan tadi, kita di sini kena meluluskan undang-undang ini. Tetapi inilah caranya, sebaliknya kalau sekiranya Taman Negara itu dibuat oleh negeri, kita beri kuasa kepada negeri membuat Taman Negara dengan kerjasama Kerajaan Pusat, setakat itu habis, lebih lekas kerana Kerajaan Negeri tahu yang ia ada berkuasa penuh.

Di sini kita tengok lantikan tiap-tiap Jawatankuasa pula. Menteri selain daripada dia berkuasa penuh, dia boleh membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin tadi di dalam Fasal 11 hingga 17 dimonopoli oleh Menteri itu seorang, dia boleh buat. Jadi bukanlah saya hendak tuduhkan otokrasi tetapi perkara yang semacam ini tentulah tidak kena pada zaman sekarang. 17 Fasal boleh dibuat termasuklah menghukum orang, mengurangkan dan sebagainya. Selain daripada itu, dia ada menubuhkan dua Jawatankuasa, satu Majlis Penasihat dan satu lagi Jawatankuasa Taman Negara. Majlis Penasihat ini ditubuhkan di bawah Fasal 5 (1) manakala Jawatankuasa

Taman Negara ditubuhkan di bawah Fasal 7 (1). Kalau kita tengok Majlis Penasihat ini mengandungi 13 orang iaitu:

- “5. (a) seorang pengerusi yang hendaklah dilantik oleh Menteri;
- (b) seorang wakil yang dinamakan oleh Pihakberkuasa Negeri dari tiap-tiap satu Negeri dalam mana terdapat suatu Taman Negara atau sebahagian darinya;
- (c) Ketua Pengarah;
- (d) seorang wakil Perbendaharaan;
- (e) seorang wakil Bahagian Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri;
- (f) seorang wakil Perbadanan Kema-juan Pelancungan;
- (g) seorang wakil Jabatan Hutan; dan
- (h) tidak lebih dari enam orang lain yang hendaklah dilantik oleh Menteri.

Jadi selain daripada orang-orang di dalam jawatannya itu 6 orang yang dilantik oleh Menteri mengikut siapa yang dia suka; pengerusi yang menjadi pengerusi Majlis Penasihat ini juga dilantik oleh Menteri. Pengerusi serta 6 orang lagi dilantik oleh Menteri dan boleh dipecat pada bila-bila masa.

Di zaman sekarang ini, saya bimbang mereka beri kuasa banyak benar kepada Menteri, bukan saya tuduh Menteri itu tidak betul, Menteri kita memang orang yang adil dan bagus semua sekali. Tetapi manusia tetap manusia juga, kalau dia tidak bersetuju dengan seseorang itu, takdir saya menjadi seorang daripada itu, dia tidak bersetuju dengan saya barangkali kerana bercakap banyak dalam Parlimen, dia pecat saya, saya hendak buat apa? Saya terpaksa terima (*Ketawa*).

Kuasa seorang Menteri melantik 6 orang serta seorang Pengerusi menjadi 7 orang dan dia boleh pecat pada bila-bila masa jadi permainan di dalam tangan Menteri.

Tugas Majlis Penasihat ini memberi nasihat kepada Menteri sahaja apa yang dirujuk oleh Menteri padanya kenalah badan penasihat ini memberi nasihat kepada Menteri itu. Dia pula akan menengok di antara yang ramai ini yang mana yang cerewet sangat atau yang

selalu criticise kepada Menteri, boleh dipecat pada bila-bila masa, itu saya kata tidak lojiknya.

Jawatankuasa Taman Negara ini pula seperti dalam Fasal 7 (1) mengatakan:

“(1) Suatu Jawatankuasa hendaklah ditubuhkan oleh Menteri bagi tiap-tiap satu Taman Negara yang terdiri daripada ahli-ahli yang berikut—

- (b) seorang wakil dari tiap-tiap satu jabatan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sebagaimana yang Menteri fikirkan perlu diwakili; dan”

Jadi wakil sama ada Jabatan Kerajaan Persekutuan atau Jabatan Kerajaan Negeri, ikut mana yang Menteri fikir, kalau Menteri fikir Jabatan ini patut diwakili, dia lantiklah wakil itu menjadi ahli Jawatankuasa ini. Kalau sekiranya Menteri itu fikir tidak perlu, dia tidak lantik. Saya fikir ini pun memang tidak kena, tidak patut begitu. Lantiklah orang yang berkenaan betul-betul, apa yang difikirkan perlu oleh Menteri, orang yang perlu betul-betul duduk di situ.

Dalam Jawatankuasa ini, saya fikir kita ubahkan sahaja, syaratnya, seorang wakil dari tiap-tiap satu Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang kepentingan Jabatannya ada hubungannya langsung dengan Taman Negara, kita ikat begitu, tidak usah dikata sebagaimana sekarang ini seorang wakil dari tiap-tiap satu Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sebagaimana yang Menteri fikir perlu diwakili. Jadi terletak kepada Menteri tadi sama ada dia memikir Jabatan itu perlu atau tidak, dia lantik, tetapi kalau kita kata tidak usah sebagaimana yang difikirkan oleh Menteri perkataan itu dipotong. Seorang wakil dari tiap-tiap satu Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang kepentingan Jabatannya ada hubungan langsung dengan Taman Negara. Banyak Jabatan yang kepentingannya ada hubungan langsung dengan Taman Negara umpamanya Jabatan Mergastua, memang ia ada hubungan langsung. Jabatan seperti ini sama ada Menteri suka atau tidak suka, dia mesti ada wakilnya di situ, begitu juga Jabatan Hutan kerana hendak memelihara tumbuh-tumbuhan di situ. Jadi jabatan yang ada hubungan langsung dengan ini, patutlah dia ada wakil tetapi dengan keadaan sekarang

ini terpolung kepada Menteri itu sama ada dia fikir ada penting atau tidak, terpolung kepada dia—tidak bolen kita hendak appeal—tidak boleh.

“(c) lain-lain orang yang tidak melebihi tiga orang”.

Tadi di dalam Majlis Penasihat 6 orang luar dilantik oleh Menteri; seorang Pengerusi, jumlahnya 7 orang. Di dalam Jawatankuasa Taman Negara ini 3 orang luar dilantik oleh Menteri;

“(c) lain-lain orang yang tidak melebihi tiga orang jumlahnya sebagaimana yang dilantik oleh Menteri dan seksyen 5 (2) hendaklah dipakai *mutatis mutandis*”.

Saya pun tidak mengerti apa maknanya—wallahualam. Adakah ini perkataan undang-undang atau perkataan baru, saya pun tidak tahu. Saya fikir ini tentulah bukan perkataan Inggeris, kalau bahasa Inggeris saya mengerti juga (*Ketawa*) bagi sesuatu perlantikan di bawah perenggan ini.

Yang saya boleh faham kalau *mutatis mutandis* ini maknanya ikut di bawah Fasal 5 (2) tadi. Fasal 5 (2) bermakna memberi kuasa kepada Menteri juga; sama ada dia hendak lantik atau pecat—sama juga. Jadi jawatankuasa Penasihat ini 7 orang yang boleh dilantik oleh Menteri dan boleh dipecat pada bila-bila masa manakala Jawatankuasa ini pula 3 orang yang boleh dilantik oleh Menteri dan boleh dipecat pada bila-bila masa.

Menteri akan berkuasa sepenuhnya dan akan meminta nasihat daripada Majlis Penasihat sebagaimana Fasal 6. Kalau dia hendak minta nasihat dia boleh minta daripada Majlis Penasihat, manakala Jawatankuasa Taman Negara pula bertanggungjawab kepada Majlis Penasihat Taman Negara pula seperti Fasal 7 (3). Jadi pendek kata kuasa itu bulat-bulat terletak di tangan Menteri. Menteri hanya terima nasihat daripada Majlis Penasihat, Majlis Penasihat boleh meminta pula kepada Jawatankuasa Taman Negara.

Tetapi kalau kita tengok dan bandingkan undang-undang yang kita hendak bahaskan esok iaitu Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia, mengikut di dalam susunan yang ditetapkan selepas daripada kita bahaskan Rang Undang-undang Taman Negara ini

esok kita hendak bahaskan Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia. Kalau kita tengok di dalam Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia adalah lebih demokrasi daripada Rang Undang-undang Taman Negara.

Di bawah Fasal 4 mengenai lantikan ahli Jawatankuasa berbunyi demikian:

“4 (1) Majlis hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut iaitu:

- (a) Naib-Canselor Universiti-universiti;
- (b) Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran;
- (c) Ketua Pengarah Pelajaran;
- (d) Pengawal Peperiksaan; dan
- (e) lima orang ahli yang akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.”

Dan Yang di-Pertuan Agong ada kuasa melantik 5 orang ahli yang lain daripada orang yang dalam jawatan itu dan kalau kita tengok pula di dalam Jadual Kedua, Fasal 1 (1) berkenaan dengan lantikan itu berbunyi:

“1 (1) Seseorang ahli lantikan Majlis hendaklah, melainkan jika perlantikannya terlebih dahulu dibatalkan atau ia terlebih dahulu meletakkan jawatan, memegang jawatan selama sesuatu tempoh, tidak lebih daripada tiga tahun, sebagaimana yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong dalam suratcara perlantikannya.

(2) Seseorang ahli itu boleh dilantik semula apabila tamat tempoh jawatannya”.

Jadi 5 orang ahli yang menduduki di dalam Jawatankuasa Majlis Peperiksaan ini dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dalam tempoh 3 tahun, apakala habis tempoh 3 tahun Yang di-Pertuan Agong boleh melantik ahli baru. Jadi kalau kita bandingkan dua Undang-undang ini, lebih demokrasi Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia kerana ahli-ahli tidak boleh dipecat, dia bertanggungjawab kerana dia adalah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dalam masa 3 tahun. Adapun ahli yang duduk dalam Jawatankuasa Majlis Taman Negara mereka merasa frust; “Aku akan dipecat kalau aku lawan Menteri.” Dengan sebab itu dari segi itu adalah tidak logik.

Saya merayu supaya perkara pecat-mecat ini janganlah diberi kepada Menteri melainkan ikut sebagaimana Undang-undang

Majlis Peperiksaan iaitu hendaklah dilantik dalam sesuatu tempoh yang tertentu, apakala habis tempoh itu Menteri boleh melantik ahli baru—ini tidak mengapa. Adapun perbuatan ini saya fikir tidak kena dengan zaman demokrasi ini, Tuan Yang di-Pertua.

Satu perkara lagi supaya menarik, saya fikir untuk hendak mewujudkan atau mendirikan Taman Negara hendaklah dengan persetujuan Kerajaan Negeri, jadi kenalah diberi kuasa yang lebih. Tadi ramai Ahli-ahli Yang Berhormat memikirkan macam mana di dalam Taman Negara kita boleh melombong pula, boleh mendirikan hotel, ini adalah 4 perkara sahaja diberi kepada Kerajaan Negeri.

Di dalam Seksyen 9 mengatakan kalau tanah itu telah diserahkan oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan menjadi Taman Negara maka yang boleh diambil perkara oleh Kerajaan Negeri hanyalah 4 perkara sahaja iaitu:

- “(a) pembinaan dan penyenggaraan jalan;
- (b) pembinaan dan penyenggaraan lapangan terbang kecil;
- (c) pembinaan dan penyenggaraan empangan dan kolam air;
- (d) pembinaan dan penyenggaraan hotel, rumah rihat, rumah kediaman”.

Maknanya Kerajaan Negeri oleh kerana negerinya, dia tidak memikirkan perkara-perkara yang seumpama ini patut diadakan Taman Negara seperti Taman Negara yang ada sekarang ini, Kerajaan Pahang memikirkan patut pelancung-pelancung melalui negerinya pergi ke Ulu Tembeling kerana ini satu daripada cara hendak mendapat wang. Kerajaan Pahang membuat jalan sama ada ikut darat ataupun sungai, bila sampai ke Taman Negara yang ada sekarang ini dikenakan bayaran. Maka begitu juga Kerajaan-kerajaan Negeri yang akan memberi tanahnya untuk

menjadikan Taman Negara yang baru, takkanlah di negerinya dia tidak boleh berkuasa langsung. Kalau sekiranya ada lombong emas di dalam tanah itu, emas satu auns harganya berapa ribu dollar Amerika sekarang ini, jadi kalau ditengok sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik tadi ada teropong di negeri Jerman boleh nampak siang/malam. Maka dengan ada teropong baru ini boleh kita teropong nampak emas berpikul-pikul di dalam Taman Negara ini (*Ketawa*). Tidak bolehkah Kerajaan Negeri hendak melombong kerana hendak mengambil emas itu?—Tentulah boleh tetapi itulah 4 perkara yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri, itupun dengan persetujuan Menteri; kalau Menteri kata tidak boleh—tidak boleh.

Jadi sebab itu Kerajaan Negeri hendak memberikan tanahnya kepada Kerajaan Persekutuan, kepada Menteri, dia kena berfikir 10 kali. Ataupun dengan cara sebagaimana yang dikata oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang terdahulu daripada saya tadi, sebelum diserahkan tanah itu hendaklah Kerajaan Negeri pergi teroka tanah itu dahulu, periksa betul-betul sama ada bijih atau tidak. Itu adalah cakap yang senang. Cakap sahaja senang tetapi susah hendak dipraktikkan. Siapa tahu apa ada di dalam tanah itu!

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila sambung pada hari esok.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 18hb Januari, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.